

Volume I
No. 43



Wednesday
23rd December, 1964

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**FIRST SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

**PENJELASAN OLEH YANG BERTHORMAT WAN
ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. [Col. 5557]**

BILL:

The Supply Bill, 1965—

Committee of Supply (Seventeenth Allotted Day)—

Heads S. 65-S. 71 (continued) [Col. 5559]

Head S. 72 [Col. 5598]

Heads S. 73-S. 77 [Col. 5630]

Exempted Business (Motion) [Col. 5622]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

First Session of the Second Dewan Ra'ayat

Wednesday, 23rd December, 1964

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' Mohamed GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development and Assistant Minister of Justice, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datok).

- The Honourable the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports,
ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K.
(Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW,
A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K.
(Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasir Mas Hulu).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,
P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

- The Honourable ENCHE' HUSSEIN BIN To' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' JOE MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S.,
A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

The Honourable ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).

- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim Bandar Bharu).
- „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operative and Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' E. W. BARKER (Singapore).
- „ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).
- „ TUAN SYED ESA BIN SYED ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

- The Honourable ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
 „ Datu GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
 „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
 „ DR GOH KENG SWEE (Singapore).
 „ ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
 „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
 „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
 „ DATU KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
 „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
 „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
 „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
 „ DATO' LIM KIM SAN, D.U.T., J.M.K., D.J.M.K. (Singapore).
 „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
 „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
 „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
 „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
 „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
 „ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
 „ ABANG OTHMAN BIN HAJI MOASIL, P.B.S. (Sarawak).
 „ ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
 „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
 „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
 „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
 „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
 „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
 „ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
 „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
 „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
 „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
 „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
 „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
 „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
 „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
 „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
 „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
 „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).

PRAYERS

(Mr Speaker *in the Chair*)

PENJELASAN OLEH YANG BERTHORMAT WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (KUALA TRENGGANU UTARA)

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit penjelasan

mengenai ulasan saya mengenai Singapura pada minggu sudah. Saya membuat penjelasan ini untuk menghilangkan kekeliruan tentang tujuan saya menyebut perkara itu. Saya suka menyatakan bahawa saya ada menyatakan dengan jelas dalam kenyataan saya pada minggu sudah mengenai perusahaan Peguam Lee & Lee di-Singapura seperti berikut:

“Perdana Menteri Singapura sejak memegang teraju Kerajaan Singapura telah tidak menjadi partner yang active lagi dalam

perusahaan peguam itu dan tentu-lah apa yang berlaku dalam perusahaan peguam itu sekarang di-luar pengetahuan-nya sama sa kali."

dan pada bahagian lain di-kenyataan itu saya berkata lagi sa-bagai berikut:

"dan sa-kali lagi saya katakan bahawa Perdana Menteri Singapura tentu-lah tidak tahu akan hal ini."

Sayang-nya banyak akhbar tidak menyiarkan bahagian ini daripada ucapan saya. Jadi memang-lah nyata Lee Kuan Yew tidak ada berchampur lagi dengan perusahaan Peguam Lee & Lee itu dan saya tegaskan lagi di-sini bahawa apa yang saya katakan itu tidak bertujuan untuk menyinggong atau untuk cast aspersion kepada Perdana Menteri Singapura dan Tuan Yang di-Pertua sendiri, saya perchaya mempunyai pendapat yang sa-rupa menurut keputusan atau ruling yang telah Tuan sendiri buat dalam hal ini.

BILL

THE SUPPLY BILL, 1965

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Seventeenth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

Resumption of debate on Question:

That the sums of \$352,476; \$7,443,750; \$3,109,865; \$1,678,230; \$2,509,923; \$4,241,153; and \$3,618,756 for Heads S. 65, S. 66, S. 67, S. 68, S. 69, S. 70 and S. 71 respectively stand part of the Schedule.

Heads S. 65 to S. 71—

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman (Kota Bharu Hulu): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Menteri Pengangkutan yang telah menjalankan tugas-nya dengan sa-berapa tegas-nya.

Saya suka berchakap hari ini ia-lah berkenaan dengan masalah keretapi yang saya tidak ingin pada mula-nya hendak menyebutkan masalah kere-tapi ini, tetapi dengan kerana Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini banyak yang telah menyebutkan-nya, maka saya menunggu apa yang di-

sebutkan-nya itu tidak ada kena apa yang saya tunggukan itu, boleh jadi hingga sampai ka-habis-nya tidak juga di-sebutkan. Masaalah keretapi di-pantai timur itu ada-lah satu perkara yang rumit, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara yang bercherita tadi tetapi saya rasa tidak kena pada tempat-nya, kerana dia tidak chukup tahu.

Tuan Pengerusi, pada musim haji itu-lah yang saya rasa, saya ucapkan ribuan terima kasih—keretapi ini ada-lah di-turunkan tambang-nya daripada pantai timur, katakan-lah dari Kelantan sampai ka-Singapura \$10. Bagitu juga ka-Port Swettenham dan Pulau Pinang dan bagitu-lah sa-terus-nya, tetapi yang mendukachitakan kepada orang² yang di-pantai timur itu, ia-itu yang berthabit dengan Kelantan khusus-nya, manakala keretapi itu di-murahkan tambang-nya pada musim haji itu, di-dalam keretapi itu tidak boleh dudok, macham manusia dudok, bahkan macham anak ayam dudok di-dalam reban. Kerap kali saya menunggu orang yang datang daripada negeri Kelantan kerana hendak pergi haji, tetapi saya rasa Yang Berhormat Menteri ta' berapa lama lagi, satu bulan lebeh kurang, boleh-lah me-mandang dan meninjau perkara yang saya sebutkan itu. Itu ada-lah satu perkara yang penting yang saya sebutkan di-sini—tidak-lah saya hendak sebutkan di-sini tentang masa-alah jamban itu dan ini, tetapi biar-lah manusia² itu boleh dudok; yang saya dapati banyak kali pada keretapi itu yang manusia dengan barang² itu bersamaan. Maka ini, rasa saya tidak-lah menasabah dan tidak-lah patut.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sebutkan ia-lah ber-sangkut dengan keretapi juga, ia-itu tambang murah di-musim orang² hendak pergi haji, tetapi di-beri tempoh oleh pehak keretapi ini satu minggu sa-belum daripada kapal haji itu bertolak. Kemudian di-pantai timur, ia-itu di-Kelantan tiga kali satu minggu keretapi mel, kadang² dia hendak ikut mel ini sudah tidak chukup satu minggu lagi, kalau hendak ikut mel yang ada ini sudah tiga empat hari

sahaja dengan kapal, kalau tidak, kita dahulu sedikit 10 hari, maka tambang murah itu tidak di-beri. Ini ada-lah satu perkara yang menyusahkan kepada orang² di-sana dan perkara ini telah pun saya sampaikan kepada Pejabat Keretapi, Kuala Lumpur pada masa ini, yang telah lepas, yang pada masa itu ada-lah kesusahan-nya amat rumit bagi orang² di-pantai timur—bukan 100 dan bukan 200 orang, tetapi hingga sampai 600 orang manusia. Saya telah berjumpa dengan Station Master Keretapi, Kuala Lumpur, saya telah bekejar datang dengan motorkar dengan kerana orang² di-Kelantan yang ada di-sana lebih daripada 500 orang. Maka di-waktu itu di-benarkan 10 hari sa-belum daripada itu, kerana tidak kebetulan mel yang bersamaan dengan kapal itu satu minggu. Jadi, ini ada-lah di-harap supaya pehak Menteri patut mengambil perhatian.

Tuan Pengerusi, dengan kerana saya sebutkan masalaah orang² haji ini, saya suka hendak sentoh sedikit berkenaan dengan Kapal Haji, tetapi yang patut saya sebutkan masalaah ini ia-lah dalam perkara Kementerian Luar Negeri kita, tetapi pada masa itu tidak di-bahathkan dengan kerana ada-lah satu perbahathan yang hangat berkenaan dengan luar negeri itu hari itu, apabila sampai di-sini, maka perbahathan itu tidak di-langsongkan. Jadi, kalau-lah dengan izin Tuan Pengerusi saya hendak sebutkan sedikit dengan sa-chara sambilan sahaja di-dalam masalaah itu.

Tuan Pengerusi, masalaah kapal haji ini dahulu-nya ada-lah kapal haji ini bertolak daripada Malaya, daripada Malaysia ini, ia-itu-lah sa-belum puasa, tetapi hari ini, rasa saya ketetapan kapal haji ini telah pun di-ubah dan harus di-adakan pada kali ini kemudian daripada puasa. Ini ada-lah perkara yang bagus, yang baik, kalau-lah kita kaji dari satu pehak sahaja, tetapi kalau-lah kita kaji sa-balek-nya lagi ada-lah perkara itu tidak begitu bagus.

Tuan Pengerusi, saya suka sebutkan yang orang hendak pergi haji itu ada-lah orang Islam; orang yang hendak pergi haji itu ada-lah orang² yang hendak menchari pahala bukan kerana hendak pergi makan angin,

bukan kerana mengechilkan belanja yang selalu orang² ini sebutkan. Saya minta-lah Yang Berhormat Menteri itu ta' usah-lah, minta tolong jangan di-jawab hendak di-kechilkan belanja—saya minta ma'af, ta' usah-lah di-sentoh, dengan sebab kalau hendak di-jawab berkenaan dengan perkara itu, banyak lagi boleh di-jawab, sebab, Tuan Pengerusi, pada masa sa-belum perang dahulu, ada kapal haji dalam bulan Rejab lagi, ada sa-belum daripada puasa, satu bulan ada, tetapi saya tidak-lah hendak mengeshorkan kepada Yang Berhormat Menteri itu hingga keadaan kapal itu macham itu—tidak, tetapi tolong-lah kaji balek. Ada-lah masalaah orang pergi ka-Mekah, bila dia orang puasa sahaja di-Mekah satu hari—ini dari segi ugama Islam dan orang yang pergi haji itu ada-lah orang Islam—satu hari dia berpuasa di-Mekah, sa-ratus ribu hari di-negeri Kelantan, dengan sebab itu saya minta dari Yang Berhormat Menteri ini ta' usah-lah dia jawab, dengan kerana hendak mengechilkan belanja—itu yang saya minta nombor satu.

Nombor dua, Tuan Pengerusi, dalam masalaah pergi kemudian daripada puasa ini, ada-lah kena kepada tiap² sa-orang yang pergi ka-Mekah ini, dan ini bukan-lah kita hendak melarikan daripada chukai—tidak. Ini yang saya hendak sebutkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat mengkaji balek perkara² ini, dan saya rasa ada-lah kapal haji yang di-ubahkan ini ada-lah di-shorkan daripada beberapa orang, tetapi tidak di-kaji semua sa-kali. Rasa saya patut-lah kapal haji ini di-adakan sa-belum daripada puasa, biar dapat orang² itu berpuasa—ta' usah-lah belayar dalam puasa, dan dapat-lah dia berpuasa di-Mekah, beri-lah sa-siapa yang wara' beri-lah sa-siapa yang suka hendak membuat amal ibadat di-kapal itu, dia pergi dan dua kapal lagi kemudian daripada itu.

Rasa saya chukup-lah kita menimbangkan kepada orang² yang hendak pergi itu dan ada-lah harta² orang Islam yang tua² itu, kadang² dia hendak habiskan kerana beramal ibadat. Maka ini satu amal ibadat

yang kalau saya hendak beritahu, hendak cheritakan amal ibadat haji ini, maka tidak-lah perlu di-tempat ini, kerana ini ada-lah satu daripada pengeshoran yang saya suka hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, saya tidak ingin sangat hendak berchakap dalam Dewan ini, sa-telah saya mengikut Dewan ini lebeh daripada 20 orang, tidak saya berchakap, biar-lah, boleh juga di-antara orang² yang tidak setuju orang yang hendak mengatakan kepada saya, barangkali juga Pak Haji itu ta' dapat hendak berchakap, boleh-lah kata macham mana pun. Tetapi, Tuan Pengerusi, sa-benar-nya saya rasa tidak suka sangat-lah dalam Dewan ini rioh-rendah, sa-hingga sampai hari itu, Tuan Pengerusi sendiri dapat tahu perkara di-dalam Dewan ini yang belum pernah kita lakukan perkara yang sa-macham itu, yang tidak ada sudah lima tahun dahulu—saya dudok sudah lima tahun dalam Dewan ini, tetapi tidak ada berlaku perkara yang sa-macham itu. Saya berchadang hendak berchakap ini bukan-lah satu dua kali, tetapi dengan kerana memandang perkara yang sa-macham itu dengan sendiri-nya kechut dan saya rasa tidak mahu berchakap, ini-lah yang saya hendak berchakap, Tuan Pengerusi, ini-lah yang saya shorkan kepada Menteri Yang Berhormat. Sajikan-lah sahaja.

Enche' Geh Chong Keat (Penang Utara): Mr Chairman, Sir, I would like to speak on Head S. 65, Sub-head 1. Speaking on this Head, I would like to join with the others in congratulating the Honourable Minister of Transport on the progress made by his Ministry, especially on the Malaysianisation of the key posts in his Ministry. I am sure that he would not fully accept the compliment paid by a colleague seated directly behind me—that is because a Malay has been appointed to the very top post. I am sure that he is prouder to say that a Malaysian has been appointed because of that officer's own merits rather than just because he is a Malay. Promotion, basing on merits in general, would also enhance the prestige of any officer

concerned, and that officer in particular; otherwise, he may nurse a grievance that he has not earned his promotion. In this connection, may I say that I consider that it would be healthier and more in keeping with the Malaysian national outlook, if we emphasise the fact that it is a Malaysian rather than a Malay, or a Chinese, or an Indian, or an European, who is being promoted to head a Department.

Sir, we are indeed very happy that the Ministry of Transport and the Honourable Minister, in particular, are doing everything possible to admit Malays into the transport industry. We fully support this move by the Ministry and the Honourable Minister, and I am happy to say that those in the industry are responding to this policy.

Though this policy of encouraging Malays to participate in the transport industry is accepted, a situation has arisen which causes a certain amount of misapprehension regarding the selling of shares of the existing companies. We have been informed that a directive has been issued by the Transport Department that these companies are requested to sell their shares to the Malays at par. Though we are in full agreement that the existing companies should open their doors by the issue of their shares, in order to allow Malays to participate, there are, however, a few points, which needs to be further clarified by the Honourable Minister of Transport and his Ministry. The value of such shares, which normally would be based on the market value, creates a problem as to how the issue of new shares could be valued at par. We must also consider the problem that the issue of new shares should not deflate the market value of shares, nor should the present shareholders be penalised either directly or indirectly by such issues.

Speaking on the Railways, I would like to draw the attention of the Honourable Minister to the fact that announcements from the Kuala Lumpur Railway Station public address system sound very hollow and boomy, and quite often could not be understood by passengers at the farther ends

of the platforms. This, I know, is due to two factors: firstly, the present public address system equipment is a very old type of army equipment; and, secondly, it is due to the bad accoustic. I recommend that the public address system be replaced with a new set of high frequency horns which should be well placed. This will definitely make the announcements clear and solid, and thereby lessen the anxiety of the public over these announcements.

Sir, I would like to touch on Head S. 69, Sub-head 1, Director of Marine. I would like to draw the Director's attention to the fact that the silt, dredged from the Penang Harbour Board area, is very often dumped at the North Channel, only a few hundred yards off the shore of Batu Ferringhi Village. This inevitably disturbs the fishing ground of the local inshore fishermen, who have requested that this dumping area of the silt be shifted far off any fishing village in that area and be based farther up in the deeper waters. The Tanjong Tokong fishermen have also requested for the removal of an old charcoal tongkang wreck, which is situated approximately 400 yards off the old searchlight and watchtower site at Tanjong Tokong. Both these things mentioned by me affect the fishing grounds of the local inshore fishermen.

Mr Chairman, Sir, I now refer to Head S. 71, Road Transport, subhead 1. About a few months back, the Road Transport Rules, 1959, had been amended to delete section B of Rule 35, sub-rule (3), that is to say that a cyclist must instal a lamp showing to the rear a red light, visible for a reasonable distance instead of just having a little reflector of approximately $1\frac{1}{4}$ " diameter. This had caused the price of these little lamps to shoot up from fifty cents to about a dollar and over. I would like to draw the Honourable Minister's attention to the fact that there are more than 100,000 old bicycles without dynamos affected by this amendment, and they are mostly in the rural areas. It would cause the rural folks who have old bicycles a great problem, because they

have to purchase a dynamo and that little lamp. I understand that to overcome this problem, it has been recommended to these rural folks that they put an oil lamp at the rear (*Laughter*) as an alternative in order to comply with the traffic regulations. But this, Sir, I contend is very dangerous and it is not as efficient and effective for the purpose as a good reflector. It is still not too late for the Honourable Minister to reconsider this matter and to approve a good standard type of reflector. Personally, I cannot see the comparison between the efficiency of a good reflector and that of an oil lamp. In short, there is a vast difference and also there are many factors pertaining to the wind and the rain. Perhaps, the Honourable Minister would be interested to know the principle of light as applied to this matter. Here I am not trying to teach the Honourable Minister, or asking him to send some officers in the Traffic Department to go for a short course, but I am just quoting a principle. The principle of light in this respect states that the angle of incidence is equal to the angle of reflection. Therefore, Sir, applying this principle with a good quality reflector, the light reflecting is as powerful as the car light shining upon the surface, allowing a certain percentage for efficiency. I appeal to the Honourable Minister to consider this proposal; if he still persists that bicycles should carry a little light at the rear, he should insist that all new bicycles must comply with the necessary requirements—this is because it is easier to instal a dynamo while purchasing a new bicycle and to permit the existing old bicycles to attach an efficient reflector of the scotchlite type of approximately $1\frac{1}{2}$ " or 2" diameter or square. I am sure this will relieve the problems of the poor rural folks.

Sir, speaking under Head 71, subhead 1, item (19), the present strength of clerks in the Penang Road Transport Department is six, and it has been increased in 1965 by one. Sir, I contend that this increase of one clerk is insufficient to cope with the increase of work in that Department, because

every month in Penang we have about 500 to 600 new vehicles registered—that will total to about 6,000 to 7,000 vehicles annually. I consider that this Department needs additional staff to cope with them, because otherwise we will have a problem which we experience in Penang—that is when one clerk goes on leave, especially the one that holds a key position, then we have got to wait for that man to come back, with the result that trailer permits and other haulage permits will be held up.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya minta izin hendak berchakap sedikit berkenaan dengan perkara peruntukan Kementerian Pengangkutan ini. Di bawah S. 66 muka surat 282 ia-itu kita dapati pegawai penerbangan atau pun pemandu² kapal terbang ini kurang sangat daripada anak² Melayu kita. Jadi, saya rasa perkara ini boleh-lah kita shorkan kepada Kementerian yang berkenaan ini supaya ada hubungan-nya pula dengan Kementerian Pelajaran di-adakan jurusan—aneka jurusan itu di-masokkan juga chawangan perkhidmatan di-dalam penerbangan ini. Sebab dalam penerbangan awam bukan-lah sahaja membawa kapal terbang atau memandu-nya, tetapi termasuk-lah perkhidmatan teknik dan begitu juga pekerja² bomba, kawalan kapal terbang, pentadbiran, traffic, penerbangan, chawangan keselamatan dan berbagai² lagi dan ini boleh-lah menampung kekurangan itu kalau perkara ini di-bawa masa muda lagi. Saya pernah baca dalam surat khabar bahawa sa-orang anak muda kita, barangkali kalau tidak salah saya, ada hubungan dengan Menteri kita sendiri menjadi pemandu kapal terbang, kalau tidak salah saya, jadi anak-nya-kah siapa-kah itu. Jadi ini, Tuan Pengerusi, menunjukkan benda ini boleh di-buat di-dalam perkara itu, jangan-lah peluang itu dapat kepada anak Menteri sahaja.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pelayan² di-dalam kapal terbang; berkenaan dengan bahasa kebangsaan—ini sedikit sahaja saya hendak sebutkan, Tuan Pengerusi, saya rasa ala kullihal kita dapat-lah terima

kaseh kapada Kementerian kita ini yang chuba mengadakan penerangan² itu dalam bahasa kebangsaan dan orang² itu pun sudah chuba sa-berapa boleh-nya hendak menyebutkan dalam bahasa kebangsaan—bahasa Melayu, tetapi lidah-nya itu tidak dapat betul, mithal-nya ma'alum-lah dalam Malaysia kita ini banyak keturunan, jadi lidah itu kurang, mithal-nya, ada keturunan Melayu, China, Jawa dan bermacam², jadi lidah-nya itu tidak-lah dapat menunjukkan betul, tetapi ada usaha² untuk di-buat.

Tuan Pengerusi, di-bawah perkara ini juga saya tertarik hati pelayan² itu sudah ada pakaian kebangsaan, tetapi sa-kali itu sahaja, sa-lepas itu pakaian biasa balek-lah. Jadi ini pun kalau Kementerian ini dapat mengadakan perubahan² lagi akan nampak-lah ketinoran kita atau pun sifat² (characteristic) bagi negara Malaysia kita ini.

Tuan Pengerusi, di-bawah S. 69 muka 303 berkenaan dengan perkhidmatan laut—Marine. Ada satu perkara yang saya dapat tahu bahawa di-Sabah dan di-Sarawak, jadual kapal² yang berulang alek ka-tanah besar Tanah Melayu ini tidak-lah dapat di-sesuaikan dengan kehendak² pengembaraan atau pun kedatangan orang² di-sana mari di-sini, pada hal kita sendiri tahu bahawa tambang, sama ada tambang barang atau pun tambang orang², tentu-lah lebih murah dengan kapal daripada kapal terbang, sebab tidak-lah banyak sangat orang yang dapat bawa barang dengan kapal terbang berbeza dengan kapal². Dan ini kalau dapat di-buat jadual, lebih banyak lagi saya rasa perkhidmatan laut ini menguntongkan kita bukan sahaja dari segi kehidupan sa-hari², tetapi apabila banyak medan perkapalan ini di-amalkan akan dapat-lah pula kita melawan boat² konfrantasi daripada Indonesia itu. Sekarang ini saya dapat tahu berkenaan perkapalan kita yang bekerja itu kecil² sahaja, kalau ada kapal besar sedikit datang dia akan tenggelam jadi nampak-nya tidak dapat perhatian.

Kemudian daripada itu yang saya hendak minta Ahli² Yang Berhormat daripada Pulau Pinang, Seberang

Perai, selalu-lah berchakap berkenaan dengan wharf ia-itu pelabohan itu patut di-adakan. Ada satu perkara yang kita patut pandang ka-hadapan ia-itu Malaysia kita ini sudah-lah menerima perubahan² baharu sama ada dari segi structure—pembangunan-nya—atau perdagangan-nya sesuai dengan ini—jalan akan di-buka daripada Kelantan pergi ka-Perak, Sungai Siput, ia-itu jalan yang baharu dan saya rasa pelabohan Tumpat itu kalau diperbesarkan lagi wharf-nya akan dapat membawa barang² dan mengurangkan lagi kesesakan keretapi sa-bagaimana yang di-rintiskan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bahru Ulu tadi. Jadi saya harap ini pun mendapat perhatian; jangan-lah sebab Tumpat ini di-negeri Kelantan, maka Menteri ini tidak mahu buat, dan sekarang ini, Tuan Pengerusi, sudah ada jambatan besar boleh lalu pergi ka-Tumpat itu tidak seperti dahulu lagi dan insha' Allah jambatan itu kalau hendak runtuh pun lambat sedikit daripada jambatan Temerloh.

Tuan Pengerusi, di-bawah S. 71, muka surat 320, berkenaan dengan perkhidmatan Pengangkutan Jalan Raya. Rupa²-nya bukan sahaja Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini yang runsingkan berkenaan dengan kemalangan, tetapi nampak-nya Radio dan Talivishen pun membesar²kan perkara ini menunjukkan bahawa perkara ini amat-lah merbahaya bagi masyarakat kita terutama negeri kita ini telah ramai bertambah sangat dan orang-nya pun suka sangat duduk di-dalam rumah² flat di-dalam bandar ini. Jadi saya mengeshorkan; saya tidak tahu sama ada ini sudah ada di-dalam kajian Kementerian atau pun tidak, ia-itu saya mengeshorkan Undang² Traffic itu boleh di-buat berbeza dengan undang² biasa, erti-nya lori² yang di-benarkan lari laju-nya 35 batu satu sa-jam, mithal-nya, atau pun 30 batu, bila dia membuat kesalahan tidak-lah di-kenakan hukuman sa-mata² mengikut kesalahan kereta² lain yang lari lebeh laju daripada tempat-nya, sebab dia itu membawa barang² berat yang boleh membahayakan, sedangkan kereta lain dia sa-mata² lari laju-nya itu sahaja. Jadi

ini boleh di-bawa charge atau pun tuduhan itu tidak sama section-nya, boleh di-bezakan. Begitu juga di-dalam pekan, mithal-nya, kalau ada jalan² bagi budak² sekolah lalu di-situ, itu pun boleh di-buat Undang² berbeza daripada Undang² Langgaran Biasa. Tetapi ini nampak-nya sampai sekarang ini oleh kerana Undang² itu sa-macham, Traffic Ordinance itu sa-macham, lori yang 30 batu sa-jam itu pun lari lebeh daripada kereta saya dan saya suka beri tahu bahawa kereta saya lari lebeh 60 batu sa-jam biasa-nya, jangan pula kata kereta saya macham kura², maka lori itu potong. Jadi ini, Tuan Pengerusi, boleh di-buat perkara ini.

Yang lagi satu berkenaan dengan teksi. Yang menyedehkan ia-itu tempat² teksi ini patut-lah di-adakan Teksi Stand yang di-buat oleh Kementerian ini, tidak-lah di-tepi² jalan; adakan rumah-nya sa-bagaimana station bas yang besar² itu. Jadi kalau di-tolong membuat-nya

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, hal Teksi Stand atau pun apa benda ini, bukan di-bawah Kementerian ini yang sa-benar-nya, di-bawah Local Government sama ada pehak Municipality atau pun Bandaran.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, Tuan Pengerusi, boleh jadi jugalah perkara itu begitu, tetapi perkara ini boleh kalau sa-kira-nya Kementerian kita ini menggunakan jasa baik-nya supaya kita dapati tempat perhentian itu ada tempat hendak membuang ayer begitu dan bagini, tidak-lah lari dalam kedai² kopi sahaja dan saya rasa ini berupa benefit, lain-lah kalau sa-bagaimana Ahli Alor Star kata itu, kalau sa-kira-nya Menteri turun tentu tempat² itu sedia sudah ada, tetapi saya dengan orang² yang lain berjumpa-lah perkara² itu.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan dua perkara—satu dalam keretapi dan satu berkenaan dengan kereta².

Keretapi ini, berkenaan dengan tempat² perhentian itu, erti-nya tempat yang hendak naik, hak yang dahulu

lagi tidak ada perubahan. Saya tidak-lah membantah dari segi burok-nya itu, sebab benda yang lama itu tentu-lah burok. Tetapi yang saya maksudkan di-sini tidak ada perubahan, sedangkan masharakat kita sudah berubah tinggi terutama-nya tentang pakaian begitu dan bagini. Jadi ada yang pakai kain yang ketat ada yang begitu dan bagini. Bila tempat hendak langkah naik itu tinggi, alang-kah menyusahkan kaum² yang dhaif di-dalam negara kita ini. Jadi ini tidak dapat perhatian daripada Menteri pun.

Lagi satu saya minta, Tuan Pengerusi, sama ada kuasa ini di-bawah Municipality atau pun mana² satu, saya minta-lah di-buat satu penyiasatan berkenaan dengan jalan raya yang bersangkut paut dengan pengangkutan ini. Saya suka-lah memberi tahu di-sa-belah atas ini, dekat Kenny Hill, patut di-buat satu workshop welfare, erti-nya menolong motokar² dengan bayaran murah atau pun kalau tidak, boleh dengan perchuma. Sebab di-Jalan Duta dan Jalan Kenny, walau motokar baharu macham mana sa-kali pun pergi di-situ, rosak. Rosak bukan sa-biji dua, berpuluh², Tuan Pengerusi. Jadi duduk begitu kita pun hairan ada-kah jalan itu atau pun Undang² Traffic di-situ, tetapi rosak selalu motokar di-situ, kadang² motokar² yang baik yang "BN" pun pergi ka-Jalan Duta rosak, berhenti di-tepi² jalan, kemudian di-Jalan Kenny pun berhenti di-situ. Ini patut-lah ada satu benda yang boleh menolong motokar² itu supaya jangan berhenti dan saya bimbang motokar Menteri pun bila pergi ka-Jalan Duta berhenti pula di-situ. Jadi itu-lah yang saya

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, kalau babitkan Menteri, tolong beri tahu Menteri mana itu?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, yang saya maksudkan ini tidak-lah Menteri kita ini, tentu-lah motokar dia itu

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan masa kita ini berharga sangat. Jadi tiap² kali ada tegoran, ada ulasan, begitu dan bagini, panjang-

lah nanti. Jadi, saya akan stop pukul 11.00. Ahli² yang lain pun ada hendak berchakap.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Ini, Tuan Pengerusi, perkara yang akhir sa-kali ini.

Mr Chairman: Tepatkan tegoran itu, itu lagi berharga.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jadi yang saya minta yang last sa-kali di-adakan satu workshop perchuma di-situ supaya dapat-lah menolong penyakit² yang saya kata itu.

Sekian, Tuan Pengerusi.

Enche' Khoo Peng Loong (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I wish to speak under Heads S. 66 and S. 67. I am glad that there will be some improvement in civil aviation in Malaysia, and I am also glad that the Honourable Minister has been kind enough to include Sarawak in his plan.

I know there will be a provision of \$1½ million for the improvement of Miri Airport, but I hope the Minister will not forget about Sibü and extend better air facilities there. Sir, at present Sibü is served only by the *Dakotas* to Kuching. Passengers wishing to fly to Singapore or Kuala Lumpur will have to change planes at Kuching Airport and if they miss the connection—and very often they do—they will have to stay overnight there. This is very inconvenient to them besides having to spend more money and time to travel to Kuching Town.

Mr Chairman, Sir, the people in Sibü are very air-minded and they mostly travel by air to Kuching, Singapore and the Federal Capital and they hope they will be given direct services to these places as they used to have before the introduction of the *Fokker Friendships* in the Borneo States. If I am not mistaken Sir, the Honourable Minister had some time back talked about the merging of the Borneo Airways and the Malaysian Airways and that when this merger is agreed to by the two companies, he will extend to Sibü the services of the *Fokker Friendships*. The people in Sibü, Sir, welcome this move, and I would urge the

Honourable Minister to extend and expedite the merger so that Sibu can have direct services to Kuching, Singapore and Kuala Lumpur.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit di-dalam Kementerian Pengangkutan ini. Di-dalam peruntukan kerana gaji Kementerian Pengangkutan ini, saya suka-lah membuat chadangan, kerana banyak Ahli² Yang Berhormat beri chadangan berkenaan dengan keretapi, tetapi saya tidak sebagai hendak beri chadangan tetapi saya hendak minta memberi pandangan, kalau setuju jalankan-lah, kalau tidak, tidak apa-lah.

Dalam keretapi mail kita, baik keretapi mail atau pun keretapi biasa, saya chadangkan patut di-adakan pelayan² wanita dalam itu untuk memberi apa² pertolongan atau nasihat² dan juga dalam keretapi itu patut di-adakan satu pelaung di-tiap² gerabak itu. Jadi kalau di-mana tempat keretapi itu hendak berhenti, mithalnya, lagi 5 minit hendak sampai ka-Ipoh, chakap-lah "Kita lagi 5 minit hendak sampai ka-Ipoh, sedia-lah siapa hendak turun di-Ipoh" atau pun dekat sedikit di-Kuala Kangsar kita hendak turun—bagitu-lah. Saya harap Menteri ini gunakan-lah supaya buat pelaung itu supaya senang orang bersedia, kalau ada anak² yang kecil yang tidak bersiap itu, boleh bersiap-lah, kalau ada bek yang tidak berkunchi boleh-lah di-kunchikan.

Jadi, berjangkit saya kapada muka surat 281, Head S. 65, Pechahan-kepala 11—Publicity for Road Safety Council, peruntukan sa-banyak \$21,100. Saya ingat, Tuan Pengerusi, di-dalam Dewan yang dahulu, saya telah ada membuat tegoran terhadap Kementerian ini berkenaan dengan Road Safety Council ini, kerana lori², terutama lori² yang datang masuk ka-Pahang, baik mengikut jalan lain atau pun mengikut jalan Bentong yang mana pada pagi² hari, mereka itu sakalian tidak mengendahkan had laju mereka itu berjalan. Jadi, selalu-lah mendapat kemalangan berlaku, dan juga kalau kita datang berselisih pun kita takut, tetapi mudah²an pada masa ini ada bertambah baik sedikit di-mana

driver² lori itu ada hormat menghormati sedikit, tetapi kalau ada kereta kecil daripada belakang, dia sedia berhenti dan di-beri lepas dahulu, dan kalau dia nampak kereta kecil datang dari atas, dia berhenti dahulu. Jadi, kejayaan Road Safety Council ini, saya puji-lah, dan kalau dapat hendak-lah di-elokkan lagi.

Muka surat 290, Head S. 66, Pechahan-kepala 10—Charum kapada Pusat Kawalan Terafik Udara Wilayah, hanya ada token vote sa-banyak \$10 sahaja. Jadi, apa yang saya faham, Charum kapada Pusat Kawalan Terafik Udara Wilayah ini ia-lah satu pusat yang boleh kita mengetahui tentang kapal terbang yang datang berapa tinggi, berapa chepat, berapa laju kapal terbang itu—saya faham bagitu! Jadi, sa-bagaimana yang saya dapat tahu daripada sahabat² saya, ia-itu kawalan terafik ini, jikalau kapal terbang itu terbang sa-kira-nya dalam 300 kaki tinggi-nya, atau pun ka-bawah sedikit, alat mengetahui sama ada kapal terbang itu datang ta' dapat di-tangkap. Jadi, saya suka menchadangkan, ia-itu memberi perhatian kapada Menteri ini, bukan kerana apa, kerana pada masa sekarang ini, keadaan di-negara kita sedang berada di-dalam pencherobohan daripada Indonesia dan saya harap, patut-lah, walau pun berapa tinggi sekali pun kapal terbang itu terbang dan berapa rendah kapal terbang itu, dapat di-ketahui dengan segera sama ada kapal terbang itu kapal terbang musuh, atau kapal terbang kita sendiri. Jadi, kalau saya silap, saya minta di-betulkan, tetapi kalau saya betul, saya minta di-baiki supaya dapat kita mengetahui kapal terbang musuh datang dalam negara kita apabila dia terbang dengan sa-rendah²-nya.

Jadi, di-samping itu, saya suka hendak membuat sokongan sedikit di-atas pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu tadi berkenaan dengan jadual pelayaran kapal haji. Jadi, kalau sa-kira-nya kita hendak pergi ka-Mekah itu hendak membuat amal ibadat, jadi kalau dapat, mereka berpuasa, berhari raya di-Mekah itu ada-lah berlebeh² sedikit ibadat-nya, tetapi saya harap Menteri ini agak-nya

ada bersangkutan juga dengan Kementेरian ini, saya harap tolong-lah berhubung dengan Pegawai Penjaga Haji, atau pun Pegawai Hal Ehwal Luar Negeri berkenaan dengan perkara ini. Itu-lah sahaja, terima kasih.

Enche' Mohamed Zahir bin Haji Ismail (Sungei Patani): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Pengangkutan Jalan Raya, Head S. 71, muka 320. Saya hendak berchakap bersangkutan dengan Third-Party Risks Insurance yang telah pun di-untokkan dalam Part IV, Undang² Pengangkutan tahun 1958. Section 74 dalam Undang² itu mewajibkan kepada orang² yang membawa kereta supaya mengambil Third-Party Risks Insurance dan jikalau sa-kira-nya dia tidak mengambil insurance Third Party, maka dia akan mendapat kesalahan di-bawah undang² itu.

Yang mulia Tuan Pengerusi, perkara ini sangat²-lah bagus, dengan kerana kita memandang kematian², atau pun kemalangan² di-atas jalan raya ada-lah lebeh daripada kemalangan² yang didapati di-dalam kapal terbang, atau pun di-keretapi, atau pun dalam kapal², jikalau sa-kira-nya di-champorkan ketiga² itu semua sa-kali. Ini sangat-lah bagus, tetapi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ada perkara² yang di-bawah Undang² ini yang belum memuaskan hati dengan kerana tujuan Undang² ini ia-lah hendak memberi imbohan kepada orang yang mendapat kemalangan, atau pun imbohan kepada orang² yang mati, atau pun kepada warith²-nya, dan saya dapati bahawa sa-nya ada perkara² yang boleh melonggarkan Undang² ini sa-hingga orang² yang mendapat kemalangan, atau pun warith² orang² yang telah pun mati daripada kemalangan itu, ta' mendapat imbohan.

Tuan Pengerusi, Section 75 (b) menyebutkan, ia-itu :

"insures such person, persons or classes of persons as may be specified in the policy in respect of any liability which may be incurred by him or them in respect of the death of or bodily injury to any person caused by or arising out of the use of the motor vehicle or land implement drawn thereby on the road."

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, yang ini nampak-nya policy insurance ini di-kenakan kapada orang, bukan di-kenakan kapada kereta. Jadi, kalau sa-kira-nya saya ada kereta, maka policy itu di-kenakan kapada saya. Jadi, kalau sa-kira-nya orang lain membawa kereta saya dan jikalau sa-kira-nya orang yang membawa kereta saya itu tidak dengan surohan saya, atau dengan tidak perentahan saya, atau pun bukan orang gaji saya, maka orang yang mendapat kemalangan itu tidak mendapat Third Party Risks ini—ta' mendapat nekmata, atau pun faedah daripada Third Party Risks ini.

Jadi, saya rasa section ini patut kita kenakan kapada kereta, umpamanya kapada Kereta KA Nombor 7-kah, kita letakkan kapada kereta, siapa yang membawa kereta itu, maka orang yang mendapat kemalangan itu mendapat faedah daripada Third Party Risks ini.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bersangkutan-paut dengan Section 75 (1) pula, yang ini menghadkan, jikalau sa-kira-nya orang yang bekerja di-bawah majikan mendapat kemalangan daripada kereta itu di-atas jalan raya, maka orang yang mendapat kemalangan—orang majikan itu—ta' dapat menekmati Third Party Risks ini, melainkan dia boleh meminta di-bawah Undang² Workmen Compensation tahun 1952. Yang ini, Tuan Pengerusi, sangat-lah tidak adil, dengan kerana di-bawah Undang² Workmen Compensation tahun 1952 itu harga pembayaran-nya sangat murah berbanding dengan pembayaran yang di-bayar di-bawah Third Party Risks ini.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bersangkutan-paut dengan Section 79 pula yang mengatakan, jikalau sa-kira-nya ada apa² yang tersebut di-dalam policy itu yang bersangkutan-paut dengan (a) umur, atau pun keadaan, atau pun fikiran orang yang membawa kereta itu, (b) bersangkutan-paut dengan keadaan kereta itu, (c) berapa banyak orang² yang di-bawa di-dalam kereta itu, (d) bersangkutan-paut dengan berat barang² yang di-bawa dalam kereta itu, (e) bersangkutan-paut dengan masa, atau pun tempat yang kemalangan itu berlaku, (f) bersangkutan-paut dengan

kuasa kereta itu, kuasa kuda—horse kereta itu, (g) yang kereta itu membawa perkara², atau pun benda² satu² yang telah di-tentukan, (h) yang bersangkutan-paut dengan ada-nya satu perkara yang hendak menyelamatkan kereta itu, yang ini kalau sa-kira-nya kejadian dan kemalangan itu berlaku walau pun ada benda² yang saya sebutkan tadi, Insurance Company itu kena bayar juga kerugian kepada Third Party itu, tetapi, Tuan Pengerusi, ada perkara² yang lain Insurance Company boleh mengelak dengan mengatakan perkara ini dia tidak kena bayar.

Umpama-nya, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana saya katakan tadi, saya pinjamkan kereta saya kepada kawan saya, atau pun kawan saya mengambil kereta itu dengan tidak meminjam, hanya dia ambil dengan tidak minta kebenaran daripada saya, perkara ini di-bawah Insurance Company barangkali dia kata tidak kena bayar, kemudian, kata-lah, orang yang membawa motokar itu tidak ada lesen atau lesen-nya sudah mati, Insurance Company ta' mahu bayar. Jahanam dan kechiwa-lah tujuan Third Party Risk yang dia telah pun di-untokkan di-bawah Part IV dalam Undang² ini.

Sekarang saya hendak berchakap bersangkutan-paut dengan pirate taxi. Kalau sa-kira-nya sa-suatu pirate taxi telah membuat satu kemalangan, kematian, kepada sa-saorang dan orang yang mati itu tidak bersalah apa², jadi warith²-nya tidak dapat keuntongan daripada Third Party. Ini merugi dan mengechiwakan Third Party ini, Tuan Pengerusi. Yang ini kita hendaklah mengkaji syarat² di-bawah Section 79 ini di-perluaskan supaya jangan-lah membenarkan sa-tengah² Insurance Company hendak mengelakkan membayar atau pun to evade payment.

Tuan Pengerusi, sa-perkara lagi yang saya hendak sebutkan ia-lah hendak menuntut (claim) wang daripada Insurance Company. Ini sangat-lah susah kepada orang² yang di-kampong² atau pun orang² yang tidak faham. Jadi, Tuan Pengerusi, jika sa-kira-nya kita membuat satu chara yang baharu ia-itu supaya kita mengadakan satu

lembaga penyelesaian di-bawah Kementerian ini supaya perkara² itu boleh di-selesaikan sa-bagaimana perkara² yang di-selesaikan di-bawah Workmen's Compensation ia-itu ada satu lembaga yang menyelesaikan bagi pehak orang² yang miskin. Tuan Pengerusi, perkara ini saya rasa sangat mustahak dengan kerana ada kadang² satu kemalangan, wang imbohan yang patut di-bayar kepada orang itu, kata-lah, \$10,000, kemudian ejen Insurance Company ini akan pergi berjumpa dengan orang itu kata-nya, 'Ini ta' apalah kita boleh selesaikan, terima-lah yang kami bayar sa-banyak \$2,000,' dan orang kampong ini tidak tahu membezakan, kerana keadaan-nya di-kampong, dia tidak tahu harga di atas kemalangan yang tertimpa kapada-nya, yang sa-patut-nya \$10,000. Dia tidak tahu. Jadi, apabila di-tawarkan \$2,000 maka dia pun seronok menerima-nya. Jadi, ini mengechiwakan (defeat the purpose of the Third Party Risk). Jadi, kalau sa-kira-nya kita adakan satu lembaga yang saya sebutkan tadi, maka boleh-lah lembaga ini mengambil tahu, siasat dan tiap² penyelesaian yang akan di-buat di-antara orang² yang mendapat kemalangan dengan Insurance Company hendak-lah di-buat melalui lembaga ini.

Tuan Pengerusi, sa-perkara lagi yang saya hendak sebutkan ia-itu membawa motokar dengan tidak ada Third Party Policy. Ada negeri² yang mempunyai pool yang di-bayar oleh Insurance Company, kemudian jika sa-kira-nya ada kemalangan yang tidak di-kaberkakan (cover) oleh mana² Insurance, maka Kerajaan boleh membayar duit daripada pool yang di-buat dan di-peruntukkan oleh semua Insurance Company di-dalam negeri itu. Saya rasa ini patut-lah kita timbangkan juga.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya hendak berchakap bersangkutan-paut dengan lembaga penyiasat ini dengan kerana chara² hendak menuntut dalam Mahkamah Tinggi sangat susah. Kalau Tuan Pengerusi ingat dalam suratkhbar dua tiga hari ini satu case yang sudah 3 tahun lama-nya baharu sahaja di-bicharakan. Jadi

kalau sa-kira-nya kemalangan di-atas jalan raya itu berkehendakkan kepada saksi, sketch plan, gambar dan keterangan doktor, sa-hingga 3-4 tahun tidak boleh lagi perkara itu hendak di-bicarakan dalam mahkamah dan keterangan pun sudah hilang, maka kalah-lah orang yang mendapat kemalangan itu. Jadi, kalau begitu tidak-lah menjadi kegunaan yang besar Section 44 atau 74—Third Party Risk—itu ia-itu hendak menyelamatkan dan hendak memberi faedah kepada orang ramai di-atas jalan² raya yang telah pun menyebabkan kemalangan kepada mereka itu, sama ada kemalangan badan atau pun kematian kepada mereka itu supaya mereka itu mendapat imbohan daripada Third Party yang telah pun di-sediakan itu. Oleh sebab itu-lah, Tuan Pengerusi, saya rasa Section ini patut-lah di-kaji dan kalau sa-kira-nya di-kehendaki di-pinda patut-lah di-pinda sa-bagaimana alasan² yang telah saya berikan. Terima kaseh.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya ingin hendak mengambil bahagian sedikit sahaja, kerana saya tengok masa sudah luput dan lanjut. Di-dalam perkara Supply Head berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan ini, saya suka hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada satu daripada soalan² yang berada di-kampung² dalam kawasan saya, ia-itu kekurangan teksi di-kampung². Saya mengerti dan faham ia-itu Yang Berhormat Menteri ada dasar, quota dan atoran-nya bagi mengeluarkan lesen² teksi yang di-kehendaki, tetapi kebanyakan daripada teksi² ini ada-lah di-tempatkan di-tempat orang yang ramai, walhal dalam kampung² di-dalam kawasan saya ada-lah soalan berkenaan dengan pengangkutan dengan chara teksi ini tidak begitu elok. Saya faham baharu² ini ia-itu lebih kurang pukul 2 pagi ada sa-orang hendak menchari teksi kerana hendak membawa isteri-nya ka-rumah sakit kerana hendak bersalin, tidak dapat teksi dan hendak menompang kereta orang lain pun tidak dapat, kerana di-kampung itu tidak ada teksi, akhir-nya saya per-chaya perempuan yang malang itu

sampai hilang jiwa-nya. Jadi, dengan sebab itu saya ingatkan kalau sa-kira-nya dapat hendak-lah di-pelihara pengangkutan dengan chara teksi di-kampung² ini supaya dapat perkara itu di-selenggarakan dengan lebih baik pada masa akan datang. Walau pun begitu, barangkali Yang Berhormat Menteri akan mengatakan di-hospital ada ambulance kenapa tidak minta. Tetapi, talipon pula tidak ada. Jadi, macham mana-lah hendak pergi jalan 10 batu tengah² malam atau pun pagi lagi, hendak menchari perhubungan dengan hospital itu atau pun dengan lain² jalan kerana hendak menyelamatkan jiwa manusia. Saya perchaya dengan sebab ada-nya saya membawa perhatian kepada soalan yang samacham ini, Yang Berhormat Menteri akan mengambil tindakan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian sedikit sahaja di-dalam perkara bakal² haji yang ka-Mekah pada tahun ini, ia-itu masa yang telah di-undorkan supaya lepas daripada Bulan Puasa. Macham mana sahabat saya daripada sa-belah sana tadi ia-itu dari Kelantan mengatakan, mengikut kehendak agama Islam, kalau sa-kira-nya dapat berpuasa dan raya di-Mekah itu lebih-lah banyak pahala-nya. Jadi dengan sebab itu saya harap timbangkan balek walau sa-kali pun Pengelola Haji ini telah mengatakan, sebab pun di-undorkan masa-nya ada-lah sa-masa Bulan Puasa yang akan datang ini hawa di-Mekah sangat sejok dan barangkali juga orang² yang tidak biasa sejok boleh merasa susah dan payah kerana pechah kulit-lah dan bermacham² yang boleh berlaku.

Yang ketiga-nya, Tuan Pengerusi, saya suka-lah hendak menyentuh sedikit dalam perkara pemandu kapal² terbang awam yang ada di-dalam negara kita ini. Banyak Ahli² Yang Berhormat telah berkata, mintakan supaya ia-itu orang² Melayu di-beri memandu kapal² terbang awam yang mengambil tambang di-dalam Malaysia ini. Saya sendiri pun bersetuju, tetapi saya rasa ia-itu perkara ini berkehendakkan latihan yang sempurna kerana ada-lah jiwa mustahak yang

ada di-dalam kapal terbang yang dipandu-nya itu tergantung-nya kapada kepintaran dan kepandaian pemandu-nya itu, bukan-lah sa-tiap² orang yang boleh membawa motokar itu boleh juga memandu kapal terbang. Soalan yang kedua di-situ ia-lah hostesses atau pelayan²-nya yang di-minta juga daripada orang Melayu di-masokkan, tetapi saya perchaya ia-itu orang² Melayu sa-memang-nya tidak berapa suka hendak naik angkasa lepas itu kerana takut konon-nya kalau jatoh-kah bagitu dan bagini, kalau sa-kira-nya banyak boleh-lah juga di-lateh dan saya juga bersetuju tetapi perkara ini barangkali akan mengikut aliran zaman dan kehendak yang akan timbul dengan sendiri-nya pada masa ka-hadapan bukan-nya boleh kita sorong²-kan bagitu dan di-tolak daripada belakang-nya sahaja walau macham mana kita berkehendakkan sa-kali pun. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, kerana saya perhatikan masa kita sudah 15 minit lanjut, terima kaseh.

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, pada menjawab tegoran Ahli² Yang Berhormat, saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada sakalian Ahli² Yang Berhormat, saya fikir tidak ada Kementerian lain sa-banyak 19 orang telah memberikan pandangan. Jadi saya akan menjawab sa-berapa daya yang boleh, tetapi sa-belum saya menjawab yang lain² barangkali terpaksa saya menjawab Yang Berhormat dari Batu ini, tetapi malang-nya dia tidak ada pada pagi ini, barangkali dia ada kerja. Jadi, berkenaan dengan ada bunyi saya dengar sa-malam menyatakan *vote of no confidence* kapada Menteri daripada pehak RUM, saya harap-lah Yang Berhormat dari Batu itu kalau niat-nya baik ta' usah-lah di-bangkit²-kan perkara itu kerana walau pun ada motion atau chadangan tidak perchaya kapada Menteri Pengangkutan, Menteri Pengangkutan tetap ada, saya tidak di-lantek oleh RUM dan kalau mengikut dalam negeri demokerasi ini, sa-orang Menteri menjalankan dasar Kerajaan—Kerajaan kita hari ini Kerajaan Perikatan sa-kira-nya sa-siapa tidak ada keperchayaan kapada sa-orang Menteri

maka dia tidak ada keperchayaan kapada seluroh Jema'ah Menteri itu, tetapi malang-nya ma'alum sahaja-lah, saya tidak suka hendak melayan benda itu. Tetapi bagi pengetahuan Ahli² Yang Berhormat, terutama Ahli dari Batu kalau tidak faham sa-bagai Menteri Pengangkutan yang sudah tua dalam soal pengangkutan ini, RUM itu tidak di-tubuhkan kalau tidak ada-nya saya menasehatkan mereka itu, mereka tidak boleh nafikan. Waktu RUM mengadakan mogok, saya juga bersama² satu malam tidak tidor dengan Yang Berhormat sekarang Menteri Kesihatan yang masa itu Menteri Buroh, saya perchaya, tetapi dia sa-kerat jalan barangkali pukul 2.00 pagi dia bertolak tetapi terima kaseh banyak-lah, tetapi saya menunggu sampai pajar pagi pukul 8 apabila di-tandatangani persetujuan ini. Dan dengan nasehat² yang telah di-beri kapada RUM ini chukup-lah, tetapi apa hendak buat kalau sudah dapat lepas seberang sungai buangkan tongkat itu, saya tidak menjadi satu masalah kapada saya dan sedia akan menolong siapa juga dalam Kementerian saya atau pejabat yang hendak minta tolong dan yang hendak minta nasehat tetapi saya tidak boleh buat melanggar daripada dasar Kerajaan dan juga melanggar Undang². Jadi perkara ini baik-lah kita lupakan sahaja.

Yang kedua, berkenaan dengan gaji—susunan gaji berkenaan dengan pehak ahli² RUM yang menuntut—pekerja keretapi sekarang ini menuntut menjadi pekerja Kerajaan. Yang Berhormat itu wakil dari Batu, dia tidak mewakili Trade Union, tetapi wakil Bungsar yang juga menjadi Trade Unionist tetapi tidak menjadi wakil RUM telah pun bertanyakan kapada Perdana Menteri. Kerajaan telah mengaku² mereka yang bekerja dengan keretapi itu sa-bagai pegawai Kerajaan. Jadi itu di-dalam Kementerian Perdana Menteri dan Perdana Menteri telah menerangkan, jadi saya tidak-lah dapat hendak menambah daripada itu, tunggu-lah sampai selesai perkara itu dan saya sedia akan membahagikan apa juga nasehat berkenaan dengan itu.

Berkenaan dengan kapal terbang Malaysian Airways yang mengatakan tidak puas hati, kenapa Kerajaan tidak masukkan modal yang besar bagitu dan bagini, saya suka menerangkan Malaysian Airways yang ada sekarang ini ia-lah sa-buah public limited company atau pun sharikat 'am terbuka kepada sa-siapa yang hendak membeli saham²-nya dan ada ber-modal \$8 juta. Walau pun bagitu, Kerajaan Pusat kerana hendak menggalakkan dan menunjukkan kepada ra'ayat yang barangkali hendak membeli share itu bagitu dan bagini, ada juga membeli sa-tengah juta ringgit bagi galakan sa-bagaimana yang diterangkan oleh wakil Batu itu. Dan negeri Singapura, Sabah dan Sarawak ada dan juga Brunei ada masuk modal satu juta ringgit. Sa-lain daripada itu terpulang-lah kepada public limited company. Pada waktu ini saya sedang berunding dengan pehak² yang berkenaan ia-itu Malaysian Airways dan Borneo Airways supaya dapat di-chantumkan pada satu waktu kelak supaya dapat di-besarkan modal dan di-baiki chara perkhidmatan kapal² terbang di-seluruh Malaysia ini. Dan perkara hendak minta pehak Kerajaan mengambil bahagian atau masuk modal yang lebeh lagi, kita sedang timbang dan fikirkan, saya harap Kerajaan tidak akan menolak chadangan² yang baik itu.

Wakil Batu juga berchakap tidak puas hati di-mana² negeri sharikat penerbangan ini untong, tetapi dia jangan lupa dasar Kerajaan Perikatan yang saya sa-bagai Menteri Pengangkutan menjalankan-nya, menjaga supaya sharikat² kapal terbang yang dapat monopoli dalam negeri² macham kita Malaysia ini tidak sewenang² menaikkan harga tambang² itu dengan tidak kebenaran saya sa-bagai pehak Kerajaan Perikatan, maka dia tidak boleh menaikkan sa-suka hati sebab itu kita ada regulate (tetapkan) sebab itu-lah tidak ada keuntungan yang besar dan keuntungan-nya yang banyak ini daripada commission agency bukan daripada penerbangan.

Wakil Batu juga berchakap berkenaan dengan kemalangan lori waktu yang telah lalu di-Serdang dan beliau

sendiri telah berchakap dengan saya dan sa-bagai Pengerusi Majlis Keselamatan Lalu Lintas Malaysia, saya telah mengambil tindakan dan telah pun di-persetujukan tiap² lori yang hendak membawa orang—lori² dalam estate ini berkehendakkan dengan syarat lori itu di-adakan tempat duduk yang sesuai supaya kalau kereta itu—lori itu—menyenget sedikit pun orang dalam lori itu tidak-lah terbalek sa-bagaimana biasa hari ini dia duduk dekat tepi dinding lori itu dan ini telah saya serahkan kepada Pesuruhjaya Jalan Raya supaya di-jadikan satu syarat sa-belum di-luluskan lori² itu. Saya perchaya Yang Berhormat dari Batu itu akan faham yang kita mengambil tindakan sa-berapa segera yang boleh dalam perkara ini kerana hendak menyelamatkan nyawa yang tidak ternilai harga-nya itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan wakil dari Tanjong bagaimana ratap rayuan minta di-timbangkan berkenaan dengan pelabohan di-Pulau Pinang ini saya sudah berapa kali berchakap yang Pulau itu tidak ada tempat yang sesuai hendak di-bentokkan pelabohan yang sesuai boleh di-masoki oleh kapal² yang besar kalau tidak ada fasal hendak mengadakan pelabohan di-situ. Tetapi kira-nya pada waktu ka-hadapan akan di-siasat balek kira-nya ada tempat² yang munasabah dan hendak di-tambah lagi buat pelabohan kita akan timbang dan fikirkan balek. Tetapi hendak di-bantutkan ranchangan yang hendak membena 6 buah wharf di-Butterworth itu hendak di-tukar ka-Pulau Pinang—di-pulau-nya sana, malang-nya tidak dapat-lah, kerana ini telah di-persetujukan oleh pakar² dan wang² yang kita pinjam daripada negeri Germany dan Kerajaan Persekutuan telah pun di-benar dan di-jalankan sa-bahagian kerja-nya.

Saya hendak menjawab juga Yang Berhormat dari Bachok barangkali ada sedikit cherita²; saya tidak-lah tahu dia pukul sindir-kah atau berchakap betul, katakan dekat Jalan Duta banyak kereta rosak, suroh buatkan tempat workshop, tetapi yang sa-benar-nya saya tahu barangkali biasa pemandu² kereta yang daripada luar negeri ini, terutama sa-kali dari

pantai timor yang jauh² barangkali siang penat bawa kereta barangkali ada terjumpa dekat Jalan Duta, boleh jadi Ahli Yang Berhormat sudah pernah juga lalu di-situ, singgah atau tidak saya tidak tahu-lah. Jadi yang sa-benar-nya kereta² itu bukan rosak, dia ambil rehat, tetapi ta' usah-lah di-arahkan kapada saya, insha Allah saya akan berhubung dengan pehak polis, polis memang ada pusing² di-situ. Jadi saya harap Yang Berhormat itu tidak silap, jangan pukul sindir, Menteri tidak ada berhenti di-situ, rumah saya di-belakang sebelah sini, jadi jangan-lah tudoh Menteri² berhenti di-situ juga.

Berkenaan dengan menjadi pemandu kapal terbang, yang sa-benar-nya pehak Kerajaan memang hari² menawarkan kapada bangsa keturunan orang Melayu-kah, bukan Melayu-kah, masok R.M.A.F. ya'ani kita punya pasokan kapal terbang, dan juga kapada Malaysian Airways selalu kita ada minta daripada semua orang muda yang chenderong kapada penerbangan boleh-lah memohon dan akan di-timbang dan di-selidek dan ini bukan hak mutlak kapada anak² Menteri atau anak² orang besar sahaja. Yang sa-benar-nya memang betul anak saya, 17 tahun sudah tahu bawa kapal terbang, bukan fasal saya Menteri dia dapat bawa kapal terbang, tidak, dia masok dalam Flying Club di-sini yang mana Kerajaan akan membantu sabahagian daripada upah membayar pelajar² yang ada di-situ tetapi malang-nya tuan² telah dengar Kerajaan menguntokkan \$10,000 tetapi dikurangkan \$5,000 kerana pehak orang Malaysia ini tidak banyak masok didalam Flying Club kerana hendak belajar bawa kapal terbang ini, itu tingkat yang mula. Yang kedua kalau hendak kapal terbang sa-bagai commercial Malaysian Airways ini kenalah belajar lagi ka-luar negeri dan chukup ketat pepereksaan-nya itu, kalau tidak layak, ta' boleh-lah membawa kapal terbang kerana sangat merbahaya. Dan banyak-lah juga saya dengar sungutan² berkenaan dengan tidak chukup bilangan anak² Melayu yang bekerja dalam Malaysian Airways tetapi saya suka hendak terang-

kan bukan-lah sa-orang bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan katakan ada sa-orang anak Melayu yang bekerja sa-bagai pemandu kapal terbang Malaysian Airways ini. Kalau tidak salah saya ada lima orang yang telah pun lulus membawa kapal terbang Fokker Friendship, dan pada masa ini sa-orang daripada yang lima itu, kalau tidak salah, sedang berlateh membawa Comet yang sekarang Malaysian Airways ada menggunakan-nya. Jadi saya harap-lah kalau Ahli Yang Berhormat itu tahu ada barangkali orang² muda yang hendak masok menjadi pemandu kapal terbang ini, ada banyak sharat-nya dan selalu ada di-ishtiharkan, tolong-lah memohon supaya dapat di-pertimbangkan, kerana tidak sabarang orang yang boleh di-terima untuk menjadi pemandu kapal terbang ini.

Pada masa ini betul lima orang pemandu kapal terbang Fokker Friendship yang ada berkelayakan, dua orang daripada-nya akan di-pileh untuk berlateh bagi pemandu kapal terbang Jet Comet, bukan sa-orang, dua orang. Sharikat Malaysian Airways ini juga sentiasa ingin mengambil beberapa bukan sahaja orang Melayu, tetapi berbagai² bangsa juga sa-bagai pemandu kapal terbang kerana tujuannya hendak memberi peluang kapada anak² negeri menjadi pemandu kapal terbang itu.

Berkenaan dengan pelayan dalam kapal terbang ini saya suka hendak terangkan banyak yang salah faham. Pada satu waktu dahulu ada negeri² yang melarang sa-tengah daripada wanita² Melayu ini bekerja menjadi pelayan kapal terbang itu. Tetapi oleh kerana menimbangkan banyak-nya kelulusan wanita² anak Melayu itu dan orang² bangsa asing juga banyak sudah menjadi pelayan, jadi di-bukakan, dan baharu² ini ada dua tiga orang pemohon dan telah pun di-timbangkan, tetapi malang-nya mereka yang baharu di-terima ini tidak dapat terus naik kapal terbang, kerana banyak kerja yang di-buat sendiri dalam kapal terbang itu dan kena-lah berlateh dahulu dan kalau tuan² singgah di-Pulau Pinang ada

sa-orang wanita di-sana yang sedang berlateh dahulu, apabila sudah tahu semua sa-kali boleh-lah mengambil bahagian terbagi bersama². Ini bukan-nya ada discrimination, bahkan polisi atau pun dasar Malaysian Airways yang mana Pengerusi yang baharu ini telah menerangkan kepada saya akan memberi peluang sa-berapa banyak-nya kepada pemuda² dan pemudi² Melayu dalam Malaysian Airways ini.

Berkenaan dengan keretapi, saya dukachita-lah, banyak pehak² yang menggunakan keretapi ini patut terima kaseh, bukan kepada saya, tetapi kepada driver keretapi itu. Ma'alum-lah sa-bagai Ahli Dewan Ra'ayat ada menggunakan pas, tetapi pas masuk keretapi itu tidak sempurna habis bagitu sahaja, tetapi Kerajaan Perikatan ada-lah Kerajaan yang menjaga nyawa dan harta benda siapa juga yang naik keretapi, sebab itu-lah driver² ini ada peratoran-nya, bukan berhenti sa-barang berhenti, tidak boleh, dia boleh kena denda. Jadi bagaimana sa-orang wakil mengatakan berhenti di-Kuang dengan tidak tentu fasal dua puluh minit atau pun sa-tengah jam-kah, ini bukan tidak ada fasal, tiap² berhenti itu mesti ada fasal. Kalau Yang Berhormat itu ketahui sa-panjang² daripada Singapura sampai ka-Padang Besar dan sampai ka-Kota Bharu tidak dinapikan rel keretapi satu sahaja, betul-kah atau tidak? Jadi ada tempat² yang sempang² itu sebab itu-lah apabila sampai di-Kuang itu ada waktu-nya keretapi yang bawa barang atau keretapi yang lain ada lambat sedikit. Jadi, kadang² menunggu lambat di-situ. Kalau tidak, bertempoh. Saya ta' suka Ahli² Yang Berhormat yang menggunakan keretapi ini dapat kemalangan. Allah jauhkan-lah keretapi di-Tanah Melayu ini walau pun satu sahaja line-nya, ada juga kemalangan sa-banyak sedikit, itu tidak sunyi-lah, tetapi belum ada kita mendengar yang parah seperti di-lain² negeri. Jadi, patut kita menguchapkan terima kaseh kepada Perkhidmatan Keretapi kepada pekerja²-nya yang chermat 'biar lambat asalkan selamat'. Masa yang $\frac{1}{2}$ jam itu kita bukan boleh dapat faedah yang banyak, tetapi kalau dapat

merbahaya dalam masa sa-tengah jam itu tentu-lah akan menjadi rugi kepada negara, bukan kepada orang² yang hendakkan sampai enam atau sa-puluh minit ka-Bukit Mertajam. Malang-nya jadual itu di-buat bukan hendak di-tukar hari². Ada chadangan kalau ta' boleh menetapkan jadual itu, tukar hari². Kalau sudah di-tukar hari² bukan di-namakan jadual.

Tuan Pengerusi, saya suka beri-tahu oleh kerana rel keretapi kita menggunakan diesel yang besar, jadi gonchang-nya kuat selalu dia punya sleeper-nya itu ada yang burok sedikit, yang patut di-ganti jadi bila kena tempat yang kena jalan slow, lima batu atau 10 batu, barangkali Ahli² Yang Berhormat biasa juga terutama ahli² pantai timor, selalu dia punya landasan itu ada burok, jadi kena jalan slow. Jadi dengan sebab jalan slow ini-lah menjadikan lambat sedikit sampai-nya. Saya minta-lah kerjasama daripada Ahli² Yang Berhormat, kami daripada pehak Kementerian dan keretapi ini memang mahu tetap jadual bagaimana negeri yang lain boleh buat. Kita akan chuba dari satu masa ka-satu masa.

Berkenaan dengan hendak menyambong perkhidmatan keretapi dari Melaka sampai ka-Tampin itu tidak payah-lah saya jawab memang-lah tidak ekonomi dan sudah pun benda itu di-bawa beberapa kali dalam Dewan ini. Pehak keretapi telah pun menyiasat, apa-tah lagi dengan perlawanan pengangkutan jalan raya dengan lori yang lebeh lekas lagi dan lebeh senang lagi sampai ka-tempat itu tidak payah berganti². Jadi, dengan sebab itu keretapi tidak memikirkan mustahak.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut, saya terperanjat mendengar-nya kata-nya pos selalu lambat sebab keretapi. Saya harap-lah kalau barangkali sebab keretapi, benda itu kami akan merojokkan kepada Traffic Manager-nya yang boleh menentukan dan saya harap juga kerjasama dengan pehak pos kalau keretapi itu berhenti di-Parit Buntar jika tidak ada Station Master di-situ, surat² yang hendak di-bawa

ka-tempat itu tidak payah-lah di-bawa dengan keretapi kalau menyusahkan ra'ayat, tetapi benda ini saya bukan kata ta' boleh gunakan keretapi, boleh di-rundingkan. Saya menyeru kepada sakalian Ahli² Yang Berhormat yang kita tahu keadaan keretapi kita ini bukan-nya untong, tetapi ada rugi tetapi rugi ini bukan-lah berma'ana inefficient, rugi ini bukan-lah pegawai keretapi ini chuai, yang sa-benar-nya saya suka hendak terangkan dengan panjang sedikit supaya Ahli² Yang Berhormat sakalian dapat tahu kerugian yang di-alami oleh Pentadbiran Keretapi masa ini bukan-lah dengan sebab kurang efficient bahkan belanja yang bertambah di-sebabkan gaji dan elaun²-nya.

Tentang train, atau keretapi yang tidak mendapat kelepasan dan ketibaannya tidak mengikut jadual², saya telah terangkan tadi—itu ta' payah-lah.

Berkenaan dengan sambongan keretapi dari Alor Star ka-Bukit Mertajam ia-lah di-jadualkan untuk Alor Star ka-Prai, bukan untuk night mail, atau pun mail malam. Bagaimana pun perkara ini sedang di-siasat dan kita harap pada satu masa nanti, satu rail car akan dapat di-gunakan untuk Prai dengan Padang Besar ka-Alor Star. Mengikut apa ukoran jua, operation keretapi ini boleh di-katakan menchari jalan untuk membaiki segala²-nya dan menjaga daripada lewat waktu di-tengah jalan.

Berkenaan dengan keretapi, saya suka terangkan di-sini ia-itu:

Tahun 1957/1958 ...	rugi
Tahun 1959 ...	untong 1 million ringgit
Tahun 1960 ...	untong 3½ million ringgit
Tahun 1961 ...	untong \$2,460,000
Tahun 1962 ...	rugi \$160,000
Tahun 1963 ...	rugi \$1,330,000
Tahun 1964 ...	rugi \$4,090,000

Kerugian ini bukan sebab ta' ada bertambah orang naik keretapi, atau hasil-nya kurang, tetapi oleh kerana gaji yang di-bayar kepada kaki-tangan dan sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat ketahui ia-itu pada tahun 1962 bulan December, satu pemogokan yang besar telah berlaku dalam Perkhid-

matan Keretapi ini, dengan sebab pemogokan itu telah di-adakan, maka satu penyelesaian yang mana saya terangkan tadi sampai satu malam, satu pagi itu saya bersama² menyaksikan hendak menchari satu jalan yang baik. Ini telah menambahkan gaji bagi kaki-tangan keretapi itu sa-banyak \$2 million tiap² tahun, dan gaji ini bukan sa-makin turun bahkan sa-makin naik, dengan sebab itu pehak keretapi akan menjalankan ikhtiar macham mana hendak menaikkan lagi pendapatan² yang boleh mengatasi chara kerugian ini, dan ada juga chadangan, barangkali kalau ta' salah saya Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan yang mengatakan sa-lagi keadaan keretapi macham ini tentu-lah akan rugi, dan kata-nya supaya di-serahkan kepada sharikat² yang boleh menjalankan Perkhidmatan Keretapi ini. Yang sa-benar-nya Ahli² Yang Berhormat, Kerajaan telah pun bersetuju supaya Perkhidmatan Keretapi ini di-jadikan satu sharikat, satu authority macham Penang Port Commission, atau macham Port Swettenham Authority, dan keretapi ini hendak di-jadikan macham Central Electricity Board ada pengarah (director) dia sendiri, hendak di-jalankan benda yang sa-macham ini, tetapi oleh kerana taraf pekerja² keretapi ini belum putus yang sekarang ini baharu di-teruskan, benda ini maseh lagi di-tanggohkan lagi. Saya harap perkara gaji dan perkara taraf pekerja² keretapi ini akan dapat kita rundingkan dan keretapi ini akan di-jadikan satu perbadanan—Corporation Aggregate—macham Central Electricity Board yang dapat menjalankan dengan chara commercial, dengan chara perniagaan dan barangkali akan lebeh mendapat peluang bagi menimbangkan keadaan² perniagaan keretapi ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara menchadangkan "Sekolah Pelayaran" ia-itu dalam bahasa Inggeris-nya Nautical School. Yang sa-benar-nya ini bukan perkara yang baharu dan belum ada lagi, bahkan Nautical School atau Sekolah Pelayaran di-Pulau Pinang sana sangat mashhor nama-nya, bahkan daripada satu tingkat telah di-tambah menjadi dua tingkat baharu² ini yang mana

saya telah merasmikan, mengembangkan, membesarkan lagi bilek² darjah-nya (class rooms), dan bukan sahaja di-Pulau Pinang bahkan di-Port Swettenham dan juga di-Singapura, walau pun Singapura tidak termasuk dalam kawalan saya dalam bahagian marine, dan juga Sabah di-Labuan yang baharu² ini saya telah melawat sana yang mana banyak anak² Melayu kita belajar dan sa-tengah²-nya telah pun mendapat kelulusan yang tinggi dan pergi ka-luar negeri.

Ini memang satu dasar daripada Kerajaan Perikatan yang mahu memberi peluang kepada anak² kita terutama-nya orang² Melayu supaya menjadi Captain² kapal, bukan sahaja yang kechil², tetapi juga yang besar² pada satu waktu nanti kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak, Enche⁷ Tan Tsak Yu, ada berchakap, ia-itu it was suggested that the Federal Government should select sites. Yang sa-benar-nya berkenaan dengan perhentian kapal terbang, atau pun padang kapal terbang di-Kuching itu, padang-nya memang-lah tidak dipindahkan ka-mana², kerana sudah chukup panjang di-sana, barangkali akan di-panjangkan lagi, tetapi bangunan-nya memang sempit sekarang ini, dan buat sementara ini kita pun sudah berbelanja di-antara \$80,000 atau \$75,000 bagi membesarkan sedikit buat sementara, tetapi chadangan membena padang yang besar memakan belanja dekat \$1 million lebeh, barangkali \$2 million bertentangan dengan yang ada di-hadapan hari ini, dan oleh kerana pehak military sekarang ini sedang sebok di-Kuching Airport sana, maka perkara ini kena-lah di-tanggohkan dan ini bersangkutan dengan kewangan juga, kerana pada masa dharurat ini kena-lah di-buat dengan chara tingkatan² untuk membena bangunan² yang baharu di-Kuching ini. Ini mengikut keterangan yang saya dapat di-sini.

It is appreciated that the Kuching Airport has been congested over the past one and a half years due to the present Emergency and the presence of military aircraft. With the close co-operation of the military authorities

I am satisfied that the operational facilities are adequate at Kuching at present. Considerable improvements in the facilities offered to passengers have been achieved by extending the terminal building—this was in July of this year. Once the Emergency is over, it is possible to give further consideration to the question of the development of Kuching Airport for civil purposes.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak, Enche⁷ Khoo Peng Loong—Malaysian Airways Limited and the Ministry are considering the possibility of extending the Fokker Friendship Air Service to Sibu after the completion of the Miri Aerodrome.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Barat, saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana menarek padangan saya berkenaan dengan pemandu² yang muda ini; sa-belum di-luluskan menjadi pemandu tentu-lah kita periksa betul. Yang sa-benar-nya kami daripada pehak Pejabat Pengangkutan memang-lah kita, kalau boleh, hendak mengetatkan benda ini. Mengikut undang², sa-saorang yang sudah sampai umur-nya 17 tahun, boleh-lah memohon supaya di-uji dan ujian itu memang kita ketatkan pada waktu ini, tetapi bagi Ahli Yang Berhormat itu, atau Ahli² Yang Berhormat yang lain, kalau-lah tahu benda ini yang barangkali dapat dengan tidak di-uji dengan sa-patut-nya, tolong-lah berhubung, sama ada dengan Kementerian saya, atau pun dengan Pejabat Pesuruhjaya Pengangkutan Jalan Raya supaya benda² ini kita boleh siasat balek, kerana kalau kita dapat tahu dengan segera, Pendaftar (Registrar) atau pun Pegawai Kanan di-tiap² sa-buah Negeri itu, boleh menguji balek daripada apa benda yang telah di-luluskan oleh Penguji Pemandu² kereta itu, kalau ada perkara² yang kita tahu rasa-nya betul tidak di-jalankan mengikut undang² ini. Yang sa-benar-nya ini telah pun di-keluarkan perintah kepada seluruh Pendaftar (Registrar) dalam Tanah Melayu ini dan telah pun di-jalankan, kalau ta' salah dua tiga tempat, barangkali Pulau Pinang dan ada lagi lain² tempat, apablia dia telah lulus, kalau kita dapati rasa²-nya

benda ini tidak mengikut atoran—pereksa balek dan tidak di-luluskan, tetapi malang-nya apabila lesen² ini telah di-serahkan, kita ta' ada hak hendak mengambil balek. Maka saya minta-lah kerjasama daripada Ahli² Yang Berhormat sakalian supaya dapat bekerjasama dengan Pejabat Kenderaan dan juga dengan Kementerian saya.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara ia-itu berkenaan dengan tractor, ini pun saya ucapkan terima kaseh, barangkali ini yang pertama sa-kali saya dengar, juga fasal selalu-nya tractor² ini berjalan siang, tidak malam. Tetapi, oleh kerana saya dapat tahu macham ini, saya akan berhubung dengan pehak Pesuruhjaya supaya berhubung dengan company² yang menjual tractor² ini supaya menyediakan chukup lengkap dengan dua lampu, walau pun kechil atau besar—itu tidak jadi soal, tetapi mesti ada dua lampu, jangan sampai jadi keliru yang lampu tengah jalan pula tinggi macham itu, boleh jadi terlanggar. Itu saya ucapkan terima kaseh, dan ini kita akan siasat.

Berkenaan dengan bahasa kebangsaan yang di-gunakan di-dalam kapal terbang, tadi pun pehak Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah berchakap, tetapi saya ucapkan terima kaseh, barangkali beliau pun ada bersama² saya pada masa kita hendak pergi ka-Jesselton pada hari itu ada memakai bahasa kebangsaan, barangkali itu Jet International Service yang pergi ka-Hong Kong. Jadi pelayan itu memang pakai baju kebangsaan, tetapi pemandu kapal-terbang dalam Malaysia ini tidak pakai kerana tidak ringkas walau macham mana pun mereka menhuba sa-berapa daya dan upaya hendak berchakap bahasa Melayu. Kita patut memberi galakan. Yang sa-benarnya, saya juga apabila dia menerangkan mana satu dua perkataan yang tidak betul, saya selalu panggil dia dan terangkan, dia ada menulis ambil ingatan. Tetapi kalau Yang Berhormat kata apa hendak susah² dia hendak berchakap, saya boleh chadangkan kapada Pengerusi Malaysian Airways supaya di-adakan tape-recorder sahaja. Suara laki² garau, tetapi tentu-lah Ahli² Yang Berhormat sa-kali sa-kala barangkali

hendak naik kapal-terbang ini daripada mendengar suara laki² yang garau daripada tape-recorder ini tentu-lah lebih senang mendengar suara yang merdu dan sedap sedikit—natural. Jadi, berilah peluang supaya pehak pelayan kapal-terbang faseh bertutor dalam bahasa Melayu, ada sa-tengah itu faseh macham kita, tetapi tidak semua-lah.

Yang Berhormat dari Muar Utara ada bertanya sa-malam berkenaan dengan kereta lembu berjalan malam tidak berlampu. Saya serba salah sebab kalau mengikut Kementerian saya dan Pejabat saya dia kata—Registrar and Inspector of Motor Vehicles. Jadi, kereta lembu tidak ada jentera dan basikal pun tidak ada jentera. Kalau basikal biasa-nya dibawah Town Council. Kalau kereta lembu, Pegawai Daerah yang mengeluarkan permit. Saya ingat lagi di-Tangkak dahulu ada cherita, mana kereta lembu yang pakai tayar chukainya murah chuma \$2.00, yang pakai roda besi itu \$12.00. Tujuan-nya supaya semua pakai tayar. Jadi, tentang soal tidak ada lampu, siapa yang melanggar Undang² Lalu-lintas, maka pehak polis boleh-lah menahan, menasihati atau pun boleh menda'awa. Saya tengok sekarang ini kereta lembu jarang berjalan malam, ta' tahu-lah di-Tangkak dan di-Melaka. Jadi, perkara itu saya minta-lah Pesuruhjaya Jalan Raya berhubung dengan Pegawai² Daerah, apabila hendak mengeluarkan lesen² kereta lembu, sama ada yang pakai tayar atau besi berilah sharat².

Berkenaan dengan Ahli² Yang Berhormat mengucapkan banyak terima kaseh kapada Kementerian saya, saya sa-ribu kali lagi-lah berterima kaseh kapada pegawai² saya yang bekerja bertungkus-lumus kerana hendak menjaga baik perjalanan satu² pejabat dibawah Kementerian saya ini.

Berkenaan dengan kapal haji yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu itu saya ucapkan terima kaseh. Yang Berhormat itu Haji, saya pun Haji juga tetapi tidak pakai serban. Saya memang-lah mengambil berat perkara itu. Yang sa-benar-nya, pada tahun yang lalu saya sendiri ada di-Kuala Krai. Saya

sendiri talipon minta lagi satu gerabak, kerana kita hendak beri peluang kepada anak buah kita sa-kali sa-kala yang hendak menghantar—ini bukan soal orang yang pergi haji—tetapi sa-orang yang pergi, 100 orang yang menghantar. Jadi, kami pehak Kementerian dan pehak keretapi tidak melarang, kerana banyak orang banyak dapat wang, tetapi \$10.00 itu cukup murah kerana hendak berkhidmat kepada orang yang hendak menunaikan Rukun Islam yang kelima. Jadi, saya banyak menerima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman (Kota Bharu Hulu): Tuan Pengerusi, dengan kerana tidak menyusahkan orang yang pergi haji, tahan orang lain tidak usah di-benarkan pergi.

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya hendak sambong tadi itu, kerana saya sendiri mengambil berat bukan sahaja Manager, kerana itu kewajipan saya sa-bagai sa-orang Islam dan sa-bagai sa-orang yang mahu memberi perkhidmatan yang istimewa yang kita mengaku ugama Islam ia-lah ugama rasmi dalam Malaya ini yang kita Kerajaan Perikatan memang mahu menunaikan perkara itu (*Tepok*). Jadi, saya minta Ahli² Yang Berhormat dari Pantai Timor chuba-lah nasihatkan mereka itu, kalau sa-orang pergi haji yang hendak menghantar itu paling ramai 10 orang, menasabah-lah, tetapi kalau 100 pun boleh, beritahu, ikut atoran itu—10 hari lebeh dahulu. Tolong beritahu. Berapa yang hendak pergi haji, dan berapa yang hendak menghantar, jadi kita boleh hantar 20-30 gerabak kalau penting dan perlu. Malang-nya, apabila masa itu hendak pergi, masa itu hendak masuk dalam keretapi, sebab tambang murah.

Saya sendiri telah pun berunding panjang pada masa yang lampau dengan Pegawai Daerah yang berkenaan di-Pantai Timor, terutama sa-kali Kuala Krai supaya berhubung dengan anak² buah mereka mana² yang hendak pergi haji dan yang hendak menghantar-nya sa-kurang²-nya 10 hari lebeh dahulu, beri-lah nama² itu.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman: Tuan Pengerusi, tiap² orang yang hendak menghantar orang haji tidak-lah pada masa itu beritahu Ketua Jajahan itu, tetapi telah beritahu 10 hari lebeh dahulu. Macham mana Yang Berhormat Menteri menyatakan pada masa itu tergesa² beritahu, tetapi keretapi tidak menchukupi.

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Terima kaseh. Barangkali Yang Berhormat itu faham, saya kata yang hendak pergi haji itu betul telah beritahu 10 hari lebeh dahulu, yang hendak menghantar orang haji itu main masok² sahaja. Saya ada dalam keretapi itu. Saya tanya, tuan hendak pergi haji-kah? Kata-nya, tidak; saya hendak menghantar bapa saudara saya. Kenapa tidak beritahu 10 hari lebeh dahulu saya boleh odar 2-3 gerabak. Itu memang ada pengakuan. Jadi, saya akan baiki perkara itu. Saya harap pehak keretapi akan mengambil ingatan. Saya harap kepada Ahli² Yang Berhormat dari Pantai Timor sama²-lah kita beri kerjasama menasihatkan anak² buah mereka supaya mereka dapat berjalan hendak menunaikan haji itu dengan rehat dan mereka yang hendak menghantar dengan keadaan yang baik dan rehat juga.

Berkenaan dengan chadangan dan pertanyaan² yang lain, saya dengan sukachita-nya menerangkan kepada pehak Ahli² Yang Berhormat yang saya tidak sempat hendak menjawab semua sa-kali. Saya ada ambil ingatan, begitu juga pehak pegawai² dan pejabat² yang berkenaan semua-nya ada mengambil ingatan.

Saya hendak menerangkan pandangan Yang Berhormat dari Penang Utara, kalau saya tidak salah, yang mengatakan ta' usah-lah kata Pegawai Melayu yang jadi Pegawai Kanan itu, sebab takut keliru dan salah faham. sebab dia Melayu dapat Pegawai Kanan. Yang sa-benar-nya, orang² Melayu, China, India dan orang keturunan apa juga di-Tanah Melayu ini ia-lah orang tempatan, pada masa ini tentu-lah semua sa-kali nationality atau kebangsaan-nya Malaysian. Jadi, sa-benar-nya orang yang pertama sa-kali

daripada anak tempatan yang telah menuntut 9 tahun yang telah dapat kejayaan dan sa-bagai sa-orang Melayu atau pun Malaysian memang-lah bukan sebab dia Melayu di-lantek Pegawai Kanan, tetapi kelayakan dan kelulusan-nya yang telah di-uji di-luar negeri. Jadi, saya harap pada pehak yang bukan Melayu jangan-lah menyangka yang Kerajaan Perikatan ini pilih kasih kapada bangsa, tetapi adal ah sama rata dan mengikut kelayakan dan kebolehan masing².

Berkenaan dengan kekurangan ferry—ini sudah pun di-jawab oleh Yang Berhormat wakil Bagan sa-bagai sa-orang yang tahu, sa-bagai sa-orang ahli daripada Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang. Yang sa-benar-nya sa-buah lagi ferry berapa bulan yang lalu telah pun di-lancharkan oleh isteri saya bukan saya, Menteri Pengangkutan chuma bagi do'a selamat sahaja, memang tidak berapa lama lagi akan berjalan dan mengikut keadaan banyaknya kenderaan dan banyak-nya tambahan orang datang dan berniaga di-Pulau Pinang ini barangkali satu atau dua lagi akan di-siapkan mengikut jadual yang di-tentukan. Dan saya perchaya pehak² yang menggunakan ferry antara Butterworth dengan Pulau Pinang ini patut mengucapkan terima kasih kapada pehak pelabohan yang telah mengadakan kapal² yang laju dan elok dan memakan harga yang bermillion walau macham itu pun kita akan memperbaiki keadaan² lalu lintas ferry antara Butterworth dengan Pulau Pinang.

Jadi saya sudah berkata tadi, Tuan Pengerusi, yang lain² itu saya mengambil ingatan dan sa-berapa daya yang boleh, mana chadangan² yang elok kita akan jalankan-lah kerana kita hendak berkhidmat kapada orang ramai.

Berkenaan dengan soalan kapal haji, saya hendak jawab-kah, hendak beri pengakuan-kah, kerana saya ini betul kalau pelabohan kapal itu saya yang bertanggung-jawab, sekarang saya boleh beri jawapan, tetapi oleh kerana ini di-bawah Kementerian Luar Negeri, saya akan sampaikan dan saya akan hubungkan dan saya barangkali

berunding sa-kira-nya pehak penasehat² daripada seluroh negeri² Malaysia ini ada satu penasehat kalau-lah saya boleh chadangkan dan nasehatkan; penasehat daripada negeri Kelantan juga ada dudok dalam penasehat itu supaya belum lewat lagi dapat dirundingkan, barangkali dapat ditimbangan dan di-fikirkan.

Jadi, dengan ini sahaja sa-kali lagi saya ucapkan terima kasih kapada pehak yang telah memberi pandangan dan sokongan kapada Kementerian dan pejabat² yang berkenaan di-dalam Kementerian saya ini. Terima kasih.

Question put and agreed to.

The sum of \$352,476 for Head S. 65, the sum of \$7,443,750 for Head S. 66, the sum of \$3,109,865 for Head S. 67, the sum of \$1,678,230 for Head S. 68, the sum of \$2,509,923 for Head 69, the sum of \$4,241,153 for Head S. 70 and the sum of \$3,618,756 for Head S. 71 ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 72—

Menteri Kebajikan 'Am (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dengan hormat-nya saya menchadangkan bahawa peruntukan berjumlah \$5,123,817 di-bawah Kepala S. 72 di-luluskan.

Tuan Pengerusi, kejayaan² yang telah di-chapai oleh Jabatan Kebajikan Masharakat semenjak di-tubuhkan dahulu, terutama-nya sa-lepas merdeka, ada-lah sangat memuaskan. Tetapi, sunggoh pun begitu, memandang kapada matlamat² dan chita² yang mana ternyata dan tertulis dalam Ranchangan² Pembangunan-nya untuk masa hadapan, tidak ada-lah tempat-nya bagi Kementerian saya berpelok tuboh dan berpuas hati dengan apa yang telah terchapai. Kementerian Kebajikan 'Am ada-lah sentiasa membentok dasar²-nya mengikut perubahan zaman dan kemajuan² ekonomi, dan bergerak dengan chara yang dainamis untuk membekalkan perkhidmatan² mengikut keperluan² masharakat pada hari ini.

Dengan chara yang tidak ternyata tetapi berkesan, Kementerian Kebajikan 'Am telah mengambil tanggungjawab yang makin bertambah bagi memperbaiki ahli² masyarakat kita yang menderita dan melarat. Gambaran ini ada-lah ternyata dari beberapa jurusan dengan mengkaji jenis² perkhidmatan yang di-sediakan. Pertama, dengan bertambah-nya bilangan gulungan orang² yang di-selenggarakan seperti orang² chachat, chedera, perempuan² dan gadis² yang mengalami keruntuhan akhlak, mangsa² konfrantasi Indonesia dan lain². Kedua, dengan ada-nya sistem pemulehan sa-mula chara aneka jurusan untuk mengatasi masaalah² yang di-hadapi oleh orang² yang chachat, chedera. Ketiga, dengan ada-nya kegiatan² untuk membiak, menggalak dan membantu penubohan dan kemajuan usaha² sukarela dan kemasyarakatan dalam bidang kebajikan dan akhir-nya dengan terbentuk-nya di-dalam Kementerian Kebajikan 'Am, beneh perkhidmatan penyelidekan yang menyiasat dan menyelidek serta menentukan keperluan² yang harus di-ingini oleh ra'ayat akibat perubahan sosial dan ekonomi yang mendadak untuk kegunaan ranchangan.

Dalam membentangkan Anggaran Perbelanjaan ini, amat-lah mustahak saya menerangkan hasil² yang telah terchapai dan ranchangan² yang telah di-susun untuk masa hadapan. Dalam perkara melaksanakan ranchangan² masa hadapan, terpaksa-lah kita mara agak berhati² sedikit dengan sentiasa menyaingi darjah² dan aliran² yang terdapat dalam dunia ini dan sambilan itu menghitung keupayaan² dan keadaan² yang berlainan yang terdapat dalam negeri ini. Berdasarkan kepada lunas ini, daripada satu masa ka-satu masa kita telah mendapatkan nasihat² dan panduan daripada pakar² yang di-hantarkan oleh Bangsa² Bersatu, bila² masa sa-suatu perkhidmatan itu di-tubuhkan. Pada hari ini kita mempunyai penasihat² daripada Pertubohan Buroh sa-Dunia untuk menolong Kementerian saya dalam beberapa aspek Perkhidmatan² Pemulehan Sa-mula untuk orang² chachat chedera. Dalam beberapa tahun yang lampau

Perkhidmatan ini telah membuat beberapa kemajuan. Sa-buah Pusat Pemulehan Sa-mula bagi orang² chachat anggota hampir siap di-bena di-Cheras dan persediaan telah pun di-buat untuk mengambil pelateh² buat kali yang pertama-nya. Pusat ini ia-lah untuk orang² yang mempunyai kechatchatan tulang-daging dan akan menyediakan perubatan serba lengkap, latehan kerja, pelajaran dan lain² perkhidmatan masyarakat. Berganding dengan pembangunan Pusat Pemulehan ini, satu penyelidekan telah pun di-jalankan untuk mengetahui peluang² bekerja bagi orang² chachat anggota yang terlatah dan ranchangan² telah pun di-sediakan untuk menubuhkan Jawatan-kuasa Pemulehan Sa-mula Orang² Chachat Chedera dalam tiap² Negeri yang akan memainkan peranan yang penting dalam usaha menempatkan orang² ini yang sudah terlatah dalam pekerjaan² yang sesuai.

Kita juga tidak lupa kepada keperluan² orang² tua, orang² miskin, pengemis² dan kuturayau. Sa-buah Rumah Orang² Tua yang baharu telah pun siap di-bena di-Cheras di-samping membaiki 7 buah lagi Rumah Orang² Tua yang lain yang ada sekarang supaya keadaan dan suasana Rumah² Kebajikan itu boleh memberi chara penghidupan baharu yang lebeh sehat, gembira dan memuaskan kepada lebeh kurang 1,500 orang penghuni² yang tinggal di-dalam Rumah² Kebajikan itu.

Sa-lain daripada lapar buah Rumah Orang² Tua tadi, Jabatan Kebajikan Masyarakat menasehat dan menolong kebanyakan-nya dengan bantuan wang, dalam pentadbiran tidak kurang daripada 99 buah Rumah² Orang² Tua yang di-selenggarakan oleh badan² sukarela di-mana 2,400 orang² tua sedang mendapat perlindungan dan layanan di-seluruh Tanah Melayu.

Undang² untuk menahan, memelihara dan memulehkan sa-mula pengemis² dan kuturayau sudah pun siap di-rangka. Dalam masa Rang Undang² ini sedang di-binchang, di-rangka dan di-halusi, Kementerian saya telah membuka, buat kali yang pertama-nya, sa-buah rumah untuk mereka di-Ayer

Kroh, Melaka pada awal tahun ini. Rumah ini bukan sahaja memberi perlindungan kepada 50 orang pengemis² dan kuturayau bahkan jua mengadakan latehan² kerja supaya mereka boleh membuat kerja² yang sehat dan menguntungkan. Sa-buah Rumah lagi yang sa-rupa itu sedang di-ranchangkan di-Pantai Timor.

Dalam lapangan kebajikan kanak², Kementerian saya mengadakan perkhidmatan² persaorangan supaya ibu-bapa yang menghadapi masalah² berhubung dengan didekan anak² mereka boleh mendapat pertolongan, nasehat dan saluran perhubungan dengan Jabatan² dan badan² yang tertentu. Kementerian saya mempunyai sa-buah ranchangan yang di-namakan "Boarding Out Allowance Scheme" atau pun "Ranchangan Elaun Saraan Menumpang" yang bertujuan memberi bantuan wang untuk saraan anak² yang terpaksa di-pelihara oleh ibu-bapa angkat atau pun kepada ibu-bapanya sendiri jika di-dapati kehidupan ibu-bapa itu melarat oleh kerana mata pencharian mereka terganggu dengan sebab² yang tertentu. Sa-lain daripada itu Kementerian saya menyediakan 8 buah Rumah Kanak² untuk sa-ramai 600 orang kanak² yang berkehendakkan perlindungan dan pemeliharaan. Tiga buah daripada Rumah Kanak² itu telah di-bena di-Kuala Lumpur, Kuala Kangsar dan Kuantan dalam masa 3 tahun yang lepas.

Kementerian saya menitek beratkan pembentokan dan pengembangan perkhidmatan² yang bertujuan untuk menchegeh merebak-nya bilangan anak² yang berkeliaran dan melakukan kerja² yang salah dan perkhidmatan² untuk memuleh dan melateh mereka yang telah di-dapati bersalah. Sa-buah asrama baharu telah pun di-bena di-Kedah dan dengan itu Kementerian saya mempunyai 7 buah asrama² sekarang di-Tanah Melayu. Dalam jurusan ini Kerajaan Pusat ada-lah bertanggung-jawab untuk mengadakan ranchangan² pemulehan bagi kanak² yang bersalah di-seluruh Malaysia. Ada-lah menjadi chita² Kementerian saya untuk meluas dan mengembangkan perkhidmatan² ini di-Singapura, Sabah dan Sarawak di-mana perkhid-

matan² itu telah di-mulakan terkemudian daripada kita.

Undang² sedang di-sediakan untuk mengharamkan Rumah² Pelachoran, pelachoran di-khalayak yang ramai dan penindasan terhadap perempuan² dan gadis² untuk maksud pelachoran. Undang² itu akan menitek-beratkan juga dengan chara positif usaha² pemulehan sa-mula perempuan² dan gadis² yang rosak akhlak mereka. Untuk tujuan ini, sa-buah Pusat Pemulehan Sa-mula telah pun di-bena di-Cheras. Ranchangan Pusat Pemulehan tersebut ada-lah bertujuan untuk memberi pendidekan baharu kepada penghuni²-nya dengan harapan mereka akan membuat penghidupan baharu dan menghargai tata-susila hidup dalam masharakat biasa. Dengan chara ini kita harap mereka akan mengambil peluang² latehan yang di-sediakan dan kemudian kelak dapat-lah mereka membuat pekerjaan² yang di-redzai oleh masharakat umum.

Memandangkan awal² lagi bagaimana penting-nya kita mempunyai pegawai² yang pakar dan terlateh, maka Kementerian saya telah memulakan Ranchangan Latehan Sambil Bekerja dalam tahun 1959. Ranchangan Latehan ini ada-lah terbuka kepada semua kaki-tangan "profesional" dalam Kementerian saya. Pegawai² yang berkebolehan telah diberi "biasiswa chuti belajar" untuk menuntut di-Universiti Singapura bagi mendapatkan Diploma dalam Pengajian Ilmu Kemasharakatan. Tahun ini 11 orang pegawai² telah di-hantar ka-Universiti Singapura dengan chara ini. Lain² kaki-tangan yang berkenaan ada-lah di-beri peluang menghadhiri kursus² jangka pendek di-Ibu Pejabat Kementerian saya di-Kuala Lumpur. Mereka yang telah terlateh tetapi berkehendakkan ilmu² khas atau pun yang berkehendakkan pemikiran chara baharu boleh mengambil peluang biasiswa² untuk pergi ka-United Kingdom, Amerika Sharikat atau pun ka-negeri² di-Timor Jauh.

Kementerian saya sangat-lah berpuas hati memandangkan kepada bilangan dan bidang kerja² sukarela yang di-jalankan di-dalam negeri ini untuk menambah dan menokok usaha²

Kerajaan dalam lapangan Kebajikan Masharakat. Badan² Sukarela sedang bertambah bilangan-nya sa-bagaimana jua perkhidmatan² Kerajaan tumbuh berkembang. Dalam tahun yang lepas dua lagi pertubohan baharu telah tumbuh di-lapangan kerja² Kebajikan Masharakat ia-itu Persatuan Kebangsaan Menchegah Penyakit Kenser dan Rumah Cheshire, Selangor. Tahun ini kita saksikan pula penubohan Persatuan Kanak² Chachat Otak Negeri Selangor yang mana sungguh pun baharu di-tubuhkan telah membuat kemajuan yang tertentu.

Badan² sukarela ada-lah sentiasa mendapat sokongan dan galakan untuk menokok-tambah kerja² antara mereka supaya pada akhir-nya kita mempunyai satu pemusatan kerja² sukarela beraneka jenis yang berselaras. Dengan tujuan ini Kementerian saya baharu² ini telah pun membentok satu majlis yang di-namakan "Majlis Kebajikan Tanah Melayu". Antara lain² tujuannya Majlis ini ada-lah menjadi Pusat Ma'alumat bagi semua jenis masaalah dan keadaan dan mengator serta menggalakkan perundingan bersama. Majlis ini akan melaraskan semua kerja² Pertubohan² Sukarela supaya wang², tenaga², semangat dan kaki-tangan yang terlately dapat di-gunakan dengan mendatangkan faedah yang terbesar.

Berbalek sa-mula kepada Anggaran Perbelanjaan, saya ingin menerangkan ada-lah Anggaran ini ada-lah berlainan daripada Anggaran Perbelanjaan Tahun 1964. Perbelanjaan bagi tahun hadapan bagi negeri² Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak telah di-chantumkan di-bawah satu Kepala sahaja, ia-itu Kepala S. 72 dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan.

Ahli² Yang Berhormat akan dapati ia-itu jumlah anggaran perbelanjaan bagi tahun 1965 ada-lah berkurangan daripada peruntokan yang di-luluskan bagi tahun 1964. Ini tidak-lah berm'ana yang Perkhidmatan² Kebajikan akan di-kurangkan, bahkan sa-balek-nya perkhidmatan² itu telah berkembang. Sebab²-nya yang perbelanjaan Kementerian saya telah berkurangan ia-lah oleh kerana semua peruntokan

untuk perkhidmatan² Belia telah di-pindahkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan yang baharu di-tubuhkan itu. Juga kekurangan itu ada-lah di-sebabkan oleh keputusan Kerajaan untuk membayar semua bantuan² kepada Badan² Kebajikan Sukarela dan bantuan² kepada mangsa² malapetaka daripada Tabong Wang Amanah Kebajikan dan Masharakat mula² daripada tahun hadapan. Perbelanjaan² untuk perkhidmatan² ini dahulu-nya terkandung di-bawah Pechahan Kepala 40 dan 41.

Di-bawah Pechahan-kepala Gaji, 16 jawatan baharu telah di-masokkan dan kebanyakan-nya ia-lah untuk yayasan² baharu yang di-bena di-bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua. Sunggoh pun begitu, 12 jawatan telah di-pindahkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan. Jumlah berseih jawatan yang bertambah ia-lah chuma 4 sahaja. Pada keseluruhan-nya perbelanjaan untuk gaji² ada-lah bertambah sabanyak \$44,047 untuk jawatan² tambahan itu dan juga kenaikan gaji tahun bagi kaki-tangan² yang sedia ada. Pada keseluruhan-nya perbelanjaan di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun ada-lah bertambah sa-banyak \$160,093. Tambahan ini pada keseluruhan-nya ada-lah di-sebabkan oleh pindahan kepada Kementerian saya. Peruntokan bantuan kepada Sabah dan Sarawak untuk kerja² kebajikan saperti yang ditunjokkan di-bawah Pechahan-kepala 14 dan 15 yang mana ada-lah menjadi kewajipan Kerajaan Pusat mengikut Fasal 161 (c) dalam Perlembagaan dan juga untuk membiayai perbelanjaan mentadbirkan yayasan² baharu di-bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua yang telah mula berjalan dalam tahun 1964 serta yayasan² lain yang akan mula berjalan dalam tahun 1965.

Tuan Pengerusi, peruntokan sabanyak \$122,887 di-bawah Perbelanjaan Khas ada-lah berkurangan daripada peruntokan bagi tahun 1964. Sunggoh pun begitu, peruntokan ini ada-lah di-fikirkan menchukupi oleh kerana bantuan² kepada badan² kebajikan sukarela dan bantuan² kepada mangsa²

mala petaka yang dahulu-nya di-bayar di-bawah Kepala 40 dan 41 akan ditanggung dan di-bayar daripada Tabong Wang Amanah Kebajikan dan Masharakat.

Tuan Pengerusi, dengan hormat-nya saya mengemukakan usul ini.

Enche' Othman bin Wok (Singapore): Tuan Pengerusi, peruntokan wang yang berjumlah \$5.1 juta yang telah di-buat bagi Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am di-bawah Kepala S. 72 ada-lah terlalu kechil jumlah-nya, dan tidak padan sama sa-kali dengan tugas² yang di-pikul oleh Kementerian ini yang tanggung-jawab-nya sa-makin meluas dengan terbentok-nya Malaysia. Daripada jumlah \$5.1 juta yang di-untokkan, \$2.3 juta atau lebih kurang 46% ada-lah di-untokkan bagi pembayaran gaji, \$2.5 juta untuk Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun dan baki-nya yang berjumlah lebih sedikit \$122,000 untuk Perbelanjaan Khas.

Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am ada-lah satu² Kementerian yang penting di-dalam negeri ini, kerana dia merupakan satu barisan hadapan Kerajaan dalam menghadapi berjenis² masaaalah ra'ayat, seperti menghulorkan bantuan² kewangan kepada orang² yang miskin dan menderita, orang² yang menganggor, memberi bantuan kewangan dan makanan dan sa-bagai-nya kepada mangsa² kechemasan dan mala-petaka, seperti banjir, kebakaran, rumah roboh akibat ribut, topan dan rumah disambar petir dan lain²-nya. Kapada Kementerian ini-lah ra'ayat yang menderita dan mangsa² mala-petaka menghalakan pandangan-nya untuk mendapatkan belas kasehan serta mengharapakan bantuan dan pertolongan bagi memulehkan mereka daripada penderitaan. Menerusi Kementerian ini-lah Kerajaan dapat menyalorkan kejujuran-nya dalam usaha hendak menyelesaikan masaaalah kesengsaraan di-kalangan ra'ayat, dan ra'ayat pula, Tuan Pengerusi, akan dapat mengukor menerusi Kementerian ini, sa-jauh mana-kah kejujuran Kerajaan dalam menyelenggarakan usaha²

ini. Kementerian ini hanya akan dapat menjalankan tugas²-nya dalam usaha memberi bantuan dan pertolongan kapada ra'ayat yang menderita, sa-kira-nya dia mempunyai peruntokan yang adil supaya dapat dia menjalankan usaha²-nya itu dengan memberi puas hati kapada ra'ayat yang menderita dan mangsa² mala-petaka yang memerlukan bantuan² yang segera.

Di-muka 337 dalam anggaran ini di-letakkan di-bawah Pechahan-kepala 40 dan 41 sa-banyak \$2 juta telah di-untokkan bagi pemberian bagi Perkhidmatan Kebajikan dan Masharakat, sementara \$500,000 di-untokkan bagi Bantuan bagi Banjir, Kebakaran dan Lain² Benchana 'Alam. Bagi tahun 1964 ia-itu tahun ini, sa-kira-nya peruntokan bagi tahun hadapan untuk bahagian Kerajaan ini di-asaskan kapada jumlah pada tahun ini, sudah barang tentu ini tidak akan mencakupi usaha untuk membantu beribu² orang yang miskin dan menganggor dalam negeri ini, termasuk mereka yang menganggor akibat confrontasi. Ini seperti kata orang Inggeris, Tuan Pengerusi, chicken feed, jika di-bandingkan dengan jumlah perbelanjaan tahun ini yang di-belanjakan oleh Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Masharakat di-Singapura yang berjumlah 12 kali ganda untuk pemberian bagi perkhidmatan kebajikan dan masharakat.

Peruntokan sa-banyak \$4.7 juta bagi Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am bagi tahun ini, kalau di-bandingkan dengan jumlah penduduk di-Malaya yang sa-banyak lebih kurang 7.8 juta orang, menunjukkan Kerajaan membelanjakan sa-banyak kira² 61 sen sahaja *per capita*, atau tiap² sa-orang ra'ayat-nya.

Di-Singapura yang mempunyai 1.8 juta orang penduduk, Kementerian Hal Ehwal Masharakat membelanjakan lebih kurang \$7 *per capita* dan dari jumlah penoh-nya peruntokan yang sa-banyak \$14.3 juta pada tahun ini, hanya 12% sahaja di-belanjakan untuk gaji kaki²-tangan dalam Kementerian. Nyata-lah sa-bahagian besar daripada wang peruntokan kami ada-lah di-belanjakan untuk membantu

orang² miskin, menganggor dan ke-susahan. Apa yang sa-harus-nya ber-laku di-dalam sa-buah negara saperti Malaya yang lebeh jauh besar-nya daripada Singapura dengan bilangan ra'ayat yang jauh lebeh banyak, per-untokan bagi Kementerian Perkhid-matan Kebajikan 'Am ini khusus-nya wang bantuan untuk orang² miskin ada-lah berganda lebeh daripada sa-buah negeri kecil saperti Singapura.

Menteri Kebajikan Masharakat telah pun melakukan kunjongan ka-ulu negeri² dalam Malaya, Sabah dan Sarawak untuk menyaksikan sendiri tentang usaha² yang telah di-lakukan oleh Pejabat² Kebajikan Masharakat yang di-bawah Kementerian-nya. Tentu-lah dia telah melihat dan mengetahui sendiri tentang penderitaan orang² yang menganggor dan miskin yang memerlukan bantuan dan tentu-lah dia tahu bahawa bantuan² kewangan yang di-hulorkan oleh Pejabat² Kebajikan-nya kapada mereka itu tidak men-chukupi sama sa-kali.

Di-Singapura, Tuan Pengerusi, banyak pengemis² dari Tanah Melayu terdiri dari orang² miskin dan meng-anggor yang datang ka-sana. Ada di-antara yang datang ka-Kementerian saya meminta bantuan dan kewangan, bila di-tanya, mereka menjawab wang bantuan yang di-beri kapada mereka oleh Pejabat² Kebajikan di-Malaya ini tidak men-chukupi langsung. Ada di-antara mereka juga yang tidak lang-song mendapat bantuan² saperti itu. Nyata-lah dari sini bahawa wang yang di-untokkan bagi Pejabat² Kebajikan Masharakat menjalani tugas-nya ada-lah tidak men-chukupi. Ini-lah satu². nya sebab bila kita berjalan di-Ibu Kota dan di-mana² bandar di-Malaya ini kita mendapati pengemis² ber-keliaran dan terbiar bagitu sahaja.

Ini-lah akibat-nya bila kita mem-punyai sa-orang Menteri Kewangan yang terdiri dari kalangan orang² yang ada², yang tidak tahu

Dato' Syed Ja'afar bin Hassan Albar (Johor Tenggara): Hear, hear!

Enche' Othman bin Wok: tentang penderitaan ra'ayat yang miskin.

Sa-malam sa-orang Ahli Yang Ber-hormat dari pehak Kerajaan, kalau saya tidak salah, Yang Berhormat dari Seberang Tengah, dalam ucapan-nya telah berkata, di-antara lain², anggota² pehak Kerajaan ada-lah terdiri dari orang statesman dan bukan politician, yang memandang jauh ka-hadapan untuk memikirkan untong nasib jene-rasi yang akan datang, dan kami dari P.A.P. dan mungkin juga anggota² di-pehak Pembangkang konon-nya ada-lah ahli² politik yang hanya me-mentingkan serta memandang sa-jauh Pilehan Raya yang akan datang sahaja, sa-olah²-nya pada pandangan Ahli Yang Berhormat itu apa yang kami suarakan dalam Dewan ini dalam menentang chukai² yang di-bentang-kan oleh Menteri Kewangan berma'ana kami sa-mata² bermain politik. Saya ingin menegaskan di-sini bahawa ten-tangan² terhadap chukai² itu bukan sahaja dari satu pehak ia-itu pehak kami, tetapi ada-lah serentak daripada ra'ayat jelata yang miskin, kaum pekerja dan ahli² perniagaan.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Pengerusi, ada-kah Ahli Yang Berhormat itu berchakap di-bawah satu² Kepala di-dalam Estimates ini, atau pun dia membuat ucapan politik.

Enche' Othman bin Wok: Tuan Pengerusi, ini saya menjawab apa yang di-ucapkan oleh Yang Berhormat di-sabelah sana.

Mr Chairman: Masa kita suntok. Ahli Yang Berhormat ada berjanji dengan saya hendak berchakap 10 minit, sekarang sudah 20 minit saya benarkan.

Enche' Othman bin Wok: Dua minit sahaja, Tuan Pengerusi.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah): Tuan Pengerusi, untok penjelasan. Soal ini masa pan-jang lagi—4 tahun lagi kita akan berada dalam Dewan ini dan di-luar kita boleh berbath sa-chara politik, tetapi sekarang masaalah kebajikan masharakat. Tinggalkan politik dahulu, masa banyak lagi.

Enche' Othman bin Wok: Tidak ada satu pun soal politik, Tuan Pengerusi.

Biar-lah saya berchakap dua minit sahaja dengan tidak ada gangguan.

Mr Chairman: Saya boleh benarkan.

Enche' Othman bin Wok: Terima kasih. Saya chuma hendak menyatakan ini sah menunjukkan bahawa chukai² yang tidak adil yang dikenakan oleh Menteri Kewangan itu tidak mempopularkan di-kalangan sabahagian besar ra'ayat dalam negeri ini. Dan apabila di-lihat daripada Anggaran Perbelanjaan Kementerian Kebajikan 'Am ini, maka nyata-lah ahli² politik saperti kami lebeh berperi kemanusiaan serta lebeh bertimbang rasa kepada ra'ayat yang miskin daripada negarawan² saperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya menguchapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian-nya pada tahun ini, yang pada hemat saya Kementerian ini bukan-lah bekerja untok menampung mana yang bochor, tetapi memberi bantuan di-mana bantuan² itu mustahak di-beri dan perlu dengan sa-bberapa segera yang boleh.

Perbezaan yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Singapura sabentar tadi bahawa peruntokan Kebajikan Masharakat di-Singapura lebeh daripada peruntokan yang di-beri oleh Kebajikan Masharakat di-Malaya. Ini menunjukkan dengan terang betapa kechoh Kerajaan Petir di-Singapura. Sebab saya katakan kechoh Kerajaan Petir di-Singapura dengan Anggaran Estimates yang di-tunjokkan dalam Dewan ini menyatakan ra'ayat yang miskin, menderita dan yang tertekan di-Singapura lebeh banyak daripada yang ada pada kita di-Malaya—(AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear!)—Tiap² satu kepala mesti mendapat bahagian \$7.00 sa-orang, menunjukkan betapa-kah banyak-nya umat yang melarat di-bawah Kerajaan Petir. Dan kita hanya memberi 63 sen sahaja dan betapa-kah banyak-nya orang yang mendapat kehidupan yang lebeh baik daripada kehidupan di-Singapura (*Tepok*).

Apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Singapura itu sa-benar-nya ada-lah merupakan satu uchapan politik yang hendak mengatakkan bahawa Menteri² mereka itu-lah yang lebeh berkeperi kemanusiaan daripada Menteri² atau Kerajaan Perikatan. Peri kemanusiaan yang di-sebutkan-nya oleh kerana dia membantu \$8.00 sa-orang per capita (tiap² kepala) dan kita hanya membantu 68 sen tiap² kepala. Ma'ana-nya tiap² Menteri atau Kerajaan Petir itu lebeh berperi kemanusiaan. Tetapi kalau kita pandang dari sudut ini bukan-lah ma'ana-nya orang itu berperi kemanusiaan atau tidak berperi kemanusiaan daripada Kementerian yang di-sebutkan. Tetapi Anggaran Perbelanjaan yang di-sebutkan oleh Kementerian Kebajikan 'Am ini menggambarakan kepada kita ia-itu penduduk² Tanah Melayu ini 7 juta lebeh ini tidak banyak yang melarat dan tidak banyak yang miskin.

Apa yang beliau sebutkan tadi mengatakan berkeliaran orang meminta sedekah di-Ibu Kota Persekutuan ini, saya tidak tahu-lah, sebab saya pernah berjumpa kepada peminta sedekah itu, kata-nya, saya terpaksa meminta sedekah oleh kerana Menteri Kebajikan Masharakat Singapura menghalau dia dari Singapura (*Ketawa*). Jadi, Tuan Pengerusi, jelas-lah di-sini betapa orang² miskin di-Singapura kena halau oleh Yang Berhormat Menteri itu di-Singapura dan di-hantar ka-mari. Oleh Kementerian ini di-ambil orang² itu: kalau orang tua di-masokkan ka-rumah orang tua, kalau dia tempang dan susah, di-masokkan ka-rumah miskin dan di-beri makanan dan layanan yang baik dan mereka mendapat kehidupan yang agak baik. Tetapi di-Singapura bukan sahaja ra'ayat di-Singapura itu tambah melarat sa-lama mereka di-bawah Kerajaan Petir, rupa-nya Petir di-Singapura makan rumah juga.

Enche' Othman bin Wok: Tuan Pengerusi, untok penjelasan, kalau boleh. Di-Singapura kami ada tiga rumah untok orang² tua yang di-bawah kelolaan Kementerian saya, dan sabuah lagi akan di-buka, kalau tidak salah saya, dalam satu dua bulan lagi.

Jadi, tidak-lah sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang mereka tidak di-ambil perhatian, semua-nya ada di-masokkan orang² tua yang berumur 60 tahun dalam rumah orang² tua dan yang miskin ada tempat yang khusus dimana mereka di-beri bantuan dan elaun tiap² minggu untuk kesenangan mereka.

Tuan Haji Othman bin Abdullah:

Tuan Pengerusi, dia hendak cheritakan apa yang dia buat di-Singapura—ini baharu bahagian Supply Bill, belum lagi Development Estimates. Kalau Development Estimates nanti dia akan tengok bagaimana kebajikan ini hendak buat benda² yang lebih berfaedah. Jadi hendak di-bezakan di-antara pulau yang sa-kangkang kera dengan satu negeri yang besar macham ini tentu-lah tidak boleh dan tidak adil-lah nama-nya.

Saya katakan tadi, Tuan Pengerusi, di-Singapura itu rupa-nya baharu-lah hari ini saya menerima daripada Ahli Yang Berhormat mengatakan Petir di-Singapura pun bantai rumah juga oleh kerana itu-lah Kerajaan-nya terpaksa menyediakan wang yang banyak. Rupa-nya Petir ini merbahaya juga. Tuan Pengerusi—(AN HONOURABLE MEMBER: Merbahaya)—di-bantai-nya rumah habis. Jadi kerana itu di-beri-lah bantuan daripada Kerajaan Petir oleh kerana Petir membantai rumah orang miskin, maka di-beri-lah bantuan. Saya nampak dengan membanyakkan peruntukan kepada orang² miskin di-Singapura saperti yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu menunjukkan bahawa Kerajaan Singapura ini suka kepada orang² yang lebih miskin. sebab bila orang miskin banyak di-Singapura, maka dasar Petir itu pun berjalan-lah, macham dasar kominis juga, Tuan Pengerusi. Dasar kominis berkehendakkan supaya orang semua miskin, bila miskin, dia senang-lah hendak panching orang itu semua. Kita di-Persekutuan ini kita tidak mahu melihat orang miskin banyak, kita hendak orang miskin kurang, fasal itu rumah miskin kurang dan kalau ada di-buat rumah miskin pun tidak ada orang yang dudok di-situ—tidak ada orang miskin ma'ana-nya orang yang

lapar di-bantai oleh Petir tidak ada di-Tanah Melayu ini. Jadi, ta' usah-lah, Tuan Pengerusi, kita memandang perimbangan pembahagian, sana lebih banyak sini lebih sedikit, ta' usah kita pandang itu, kita tengok sendiri.

Saya pun lama juga dudok di-Kuala Lumpur ini, Tuan Pengerusi, saya tidak nampak orang yang berkeliaran² macham lembu minta sedekah di-tengah jalan, tidak ada, ada ta' ada pun orang minta sedekah dekat² hendak hari raya, kerana bukan minta sedekah, dia minta zakat fitrah, kalau ada siapa hendak bagi zakat fitrah di-tengah jalan dia pun letak-lah—bawa beras satu gantang siapa hendak fitrah, aku terima-lah kata dia. Ini pun sa-tahun sa-kali orang hendak chari rezki, tetapi hari² dudok tepi jalan minta sedekah jarang saya tengok. Tetapi bila saya turun distation keretapi Singapura bukan sahaja orang itu minta sedekah kalau kita tidak bagi di-kidnap, ini lebih dahshat lagi Singapura ini rupa-nya, peminta sedekah di-Singapura ia-lah perompak² yang besar dan perompak ini-lah yang di-berikan \$7.00 sa-bulan kepada sa-orang. Bahaya macham ini punya Kerajaan, Tuan Pengerusi, bahaya orang perompak, penchuri, penyamun oleh Menteri Yang Berhormat ini-lah di-untokkan duit banyak², engkau boleh merompak tidak ada duit minta dengan aku—di-pelihara-nya—bahaya. Jadi bagi kita sendiri, Kerajaan Ma'aysia, Kerajaan Perikatan kita tidak pelihara orang ini, kita bagi pun 68 sen kalau dia boleh mempunyai kerja kita bagi dia kerja, bagi dia tanah, FLDA kita buka tanah banyak², suroh dia buka tanah, di-beri dia lesen, Menteri Pengangkutan bagi taxi, suroh dia chari makan sendiri, makin lama makin kurang orang minta sedekah sa-hingga 68 sen itu boleh katakan minum kopi kita bagi, bukan tiap² orang miskin, tidak di-tiap² orang di-Singapura miskin belaka kata dia. Menteri dia pun miskin juga, hairan saya menengokkan, Tuan Pengerusi.

Jadi saya rasa Kementerian Kebajikan Masharakat ini kita adakan dan kita berikan perbelanjaan yang macham ini walau pun kita rasa itu tidak

chukup, rezki yang di-berikan Tuhan kepada kita tidak chukup, Tuan Pengerusi. Ahli Yang Berhormat di-sini pun \$750 tidak chukup, dia hendak minta lebeh, tidak chukup, mana kalau dunia ini bagi kepada sa-orang pun tidak chukup. Petir di-Singapura dia memerintah dia tidak chukup juga, dia hendak Persekutuan Tanah Melayu, dia tidak dapat ini dia pergi chuchok² Sabah dan Sarawak dia hendak lebeh juga. Ini tabiat manusia. Jadi, kita ini kita hendak ikut sangat tabiat manusia itu susah-lah kita.

Kebajikan Masharakat kita ini kita hendak menampong sa-suatu yang datang-nya dengan malapetaka, mithalnya, banjir yang siapa pun tidak boleh menolong banjir ini, Allah ta'ala datangkan hujan banjir, orang itu tenggelam rumah-nya, ini kita berilah bantuan, rumah terbakar, mithalnya, kemudian di-bantai oleh petir; petir ini dia tidak boleh jumpa dengan wire kalau dia berjumpa dia berkilat, kilat dia terbakar rumah maka kita bantu petir punya fasal pun kita bantu-kan juga kalau berlaku di-Tanah Melayu atau pun tanah runtuh kita bantu. Kita tidak bagikan bantuan atau mengajar orang malas di-Tanah Melayu ini. Kita mengajar orang rajin, kita mengajar orang bersungguh² bekerja.

Jadi saya memandang Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am ini penting, tetapi di-dalam masaalah kepentingan-nya dia tidak boleh mengajar orang itu minta sedekah—minta duit. Macham sa-bagai mithal-nya, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap; tidak panjang, sedikit. Sa-bagai mithal-nya orang kita ini hendak hantar sekolah anak minta duit—scholarship, tidak dapat scholarship tidak hantar sekolah, jadi kita adakan scholarship sa-mata² hendak bantu orang susah, itu maksud-nya, bukan-lah tiap² orang dapat scholarship bagitu juga-lah ini perkhidmatan masharakat, kita adakan duit, perkhidmatan masharakat ini membantu orang yang penting sa-kali kita bantu bukan tiap² penchuri, penyamun macham Singapura itu kita hendak bantu, tentu tidak.

Jadi patut-lah juga di-fahami oleh Yang Berhormat dari Singapura ber-

lainan sedikit faham dasar Kerajaan antara Petir dengan Perikatan. Ada pun di-kata ini akibat daripada Menteri Kewangan yang terdiri daripada orang kaya². Tuan Pengerusi, kalau kita ini boros dapat duit belanja habis susah-lah kita, bengkrup-lah negeri kita. Kita ada naikkan chukai bukan-lah untok faedah sa-orang berdua Menteri tetapi untok faedah negeri kita juga tetapi oleh kerana memang-lah orang hendak main politik, Tuan Pengerusi, hendak buat apa. Ahli Yang Berhormat Singapura itu gunakan kalimat—gunakan kenaikan chukai ini dia pergi kempen merata² di-Singapura dia kata kita ini satu Kerajaan yang tidak bertanggung-jawab dan tidak ada perikemanusiaan, ini tidak 'adil bagitu, kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu hendak kempen ka-kampung² dia pun sa-rupa nama-nya dengan saya, boleh saya ikut dia mana² pun kita chuba-lah kempen tetapi dalam Dewan ini tidak molek-lah kata bagitu membuka tembelang-nya sendiri, tidak elok-lah.

Tuan Pengerusi, akhir-nya sa-kali, saya hendak berchakap berkenaan dengan kebajikan masharakat ini, saya mengucapkan terima kaseh kepada Menteri ini yang telah mengadakan rumah orang tua², rumah orang² miskin, rumah kanak² yang chachat dan sa-umpama-nya dan saya harap kalau ada-lah orang² miskin, orang tua² yang kena halau dari Singapura itu mintalah Menteri Yang Berhormat terimalah orang ini dengan baik akibat penderitaan yang di-tekan oleh Kerajaan Singapura. Terima kaseh (*Tepok*).

Enche' Chen Wing Sum (Damansara):

Mr Chairman, Sir, may I congratulate the Honourable Minister for Welfare Services for his speech this morning. The scheme and achievements of this Ministry are very great without which the picture of our society might be quite different today. Sir, I am also very glad to see that great support has been given by the people—either, directly, in personal voluntary services or, indirectly, by donations in the form of contributions to the social welfare lotteries.

However, Mr Chairman, Sir, one regrets to say that recently there was a Member from Singapore who suggested in this House that the running of the social welfare lotteries has not been proper. He also went to the extent of saying that no member of the public has got the top prizes. Mr Chairman, Sir, it may not be desirable, or necessary, at this time or under any circumstances when robberies and kidnappings are common in this country to disclose the names of the top prize winners. Nevertheless, if one has any common sense or common knowledge, one would remember that recently in the newspapers there was a European who won the top prize and at the same time also won a consolation prize. He went to the Committee to claim for the consolation prize, but it was ruled that since he already got the top prize he could not be entertained for the consolation prize. That was one of the incidents to show that members of the public do have the chance even to get the first prize.

Sir, the draw of the Social Welfare lotteries is open to the public. I remember that recently even the Honourable Minister for Welfare Services himself attended a draw somewhere in Kuala Kangsar or Taiping. Now, if this Honourable Member suggests that such a draw is not fair, I would suggest to the Ministry to invite him to attend the next draw. Our Ministry depends a great deal on this source of income from the sale of lottery tickets to do services to the public. Such allegation by the Honourable Member from Singapore will, if it is not true, destroy the confidence of the public in the lotteries and any such allegation, if not proved, will of course be construed as malicious and vexatious in this House, because this Ministry has tried its best to do good things to the public.

Mr Chairman, Sir, this morning we heard a Minister from Singapore saying that the allocation to this Ministry is just like chicken feed when compared with Singapore. Now, we do not know the intention of this Minister. On the one hand he tried

very hard to oppose the proposed taxes—to oppose it indirectly by referring to the lottery tickets—and on the other hand, he said that our allocation to this Ministry is just like chicken feed. My Honourable friend has already said just now that such political talk would not do any good to the Central Government or to the public who have been benefited under such a scheme.

Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor): Tuan Pengerusi, saya bangun ada-lah memberikan sa-penoh² sokongan kapada wang perbelanjaan bagi Kementerian Kebajikan 'Am yang telah di-bentangkan di-Dewan ini. Di-samping itu saya ingin mengambil bahagian berchakap di-dalam S. 72 Pechahan-kepala 6 mengenai Penyelenggaraan Kanak² Rumah Keluarga Angkat.

Tuan Pengerusi, di-negeri Johor ada sa-buah rumah di-sediakan tempat yang sangat elok dan luas kawasan-nya untuk memelihara anak² miskin yang menjadi anak angkat kapada Kerajaan. Anak² ini di-pelihara dan diberi makan minum dan pakaian, pelajaran dan lain² lagi yang di-fikirkan baik bagi pendidekan sa-sorang anak kecil hingga-lah menjadi teruna atau pun dara yang boleh menghadapi masa depan-nya yang chemerlang. Kesemuanya menunjonkan betapa 'adil dan timbang rasa Kerajaan melindongi nasib ra'ayat-nya yang miskin daripada kehilangan peluang untuk hidup sa-bagai manusia mempunyai sedikit sa-banyak pelajaran bekalan pencharian hidup-nya. Sa-bagai manusia yang mempunyai sedikit sa-banyak pelajaran bekalan penchari hidup-nya, tetapi sayang anak² yang di-pelihara di-Rumah Kebajikan Masharakat di-Johor Bahru itu ada-lah saperti anak² emas Kerajaan. Mana² yang di-bangku sekolah memang-lah patut makan minum di-sediakan ia-itu sa-lain daripada itu alat permainan walau pun layanan ini juga nampak-nya terlalu berlebehan² tetapi yang sangat mendukachitakan pula ia-lah tentang pendidekan yang di-selenggarakan di-Rumah Tumpangan Kanak² Miskin ini apabila anak² lebeh umur yang telah di-berhentikan

sekolah, mereka tidak di-lateh membuat kerja² yang patut bagi mereka melateh diri-nya.

Tuan Pengerusi, seperti anak² perempuan yang sudah menjadi gadis mereka tidak di-galakkan kerja membantu kerja² bagi urusan rumah tangga seperti menolong masak atau membasoh dan berkemas. Mereka di-biarkan berleluasan dengan bermain menghabiskan masa-nya dengan tidak di-suroh membuat apa² pekerjaan. Anak² perempuan di-situ yang telah lebeh umur yang tidak patut di-tanggung oleh Kerajaan, pernah juga di-amil bekerja di-rumah pegawai² Kerajaan dengan di-beri elaun yang di-tentukan tetapi bernasib baik benar-lah kalau orang yang mengambil itu boleh tahan memelihara-nya genap sa-tahun, sa-lama masa-nya yang mereka bersanggupan ia-lah 3 atau 4 bulan. Sebab²-nya ia-lah kerana kelakuan budak² ini sudah tidak dapat hendak di-bentok lagi pada hal sharat² yang di-beri kepada tiap² orang yang hendak memelihara mesti-lah memberi didekan sa-chara berperi kemanu-siaan, erti-nya di-ajar memasak dan sa-bagai-nya yang berkaitan dengan urusan rumah tangga. Anak² ini berasa muak dengan kerja yang di-tugaskan kapada-nya kerana mereka tidak di-lateh dengan kerja seperti itu dan apabila di-marah mereka terus tinggalkan rumah itu dan balek sa-mula ka-tempat tumpangan. Ini-lah yang saya maksudkan peruntukan yang telah merugikan kita—Kerajaan membelan-jakan wang yang banyak di-jurusan ini tetapi hasil-nya tidak dapat di-pandang. Apa yang saya harapkan Kerajaan tidak-lah merugikan wang kerana membelanjakan anak yang telah lebeh umur yang boleh men-chari sendiri dan anak² yang telah menjadi keluarga angkat itu hendak-lah di-pelihara dengan tidak pula di-kechiwakan nasib-nya di-belakang hari kelak.

Tuan Pengerusi, S. 72 juga ia-itu Pechahan Kepala 40 yang mana saya menguchapkan tahniah kepada pehak Kementerian ini yang bertujuan untuk memberi pertolongan kepada orang² yang dapat kesusahan, yang dapat kemalangan dan memerlukan bantuan.

Tetapi sangat-lah mengkechiwakan sa-bagai di-negeri Johor sana yang mana telah 5-6 bulan bantuan² ini terputus, di-sebabkan wang peruntukan yang di-beri di-negeri Johor itu telah tidak men-chukupi. Dari itu saya berharap ka-pada pehak Kementerian yang ber-kenaan supaya dapat menimbang atau menambahkan lagi wang bantuan sekolah, bantuan 'am, bagaimana yang telah berlaku pada hari ini yang mana wang bantuan ini telah tidak dapat di-layankan dan telah di-berhentikan lebeh kurang 5-6 bulan yang sudah. Apa yang saya tahu boleh di-katakan semua bantuan² yang di-beri kepada orang miskin di-gantong sama ada bantuan wang, bantuan makanan, bantuan membeli buku² alatan sekolah. Alasan yang di-beri kerana member-hentikan bantuan ini ia-lah kerana wang peruntukan bagi tahun sudah habis. Sementara menunggu terpaksa di-hampakan semua rayuan² dan di-ketepikan segala permohonan²; sa-kali pun tindakan yang sa-rupa ini menimbulkan kesan yang hebat kepada mangsa yang putus harapan tadi dan juga mengakibatkan keberhentian kanak² miskin yang memerlukan ban-tuan daripada sekolah. Oleh sebab itu ibu bapa mereka tidak termampu hendak membayar wang² tuntutan² daripada sekolah dan bantuan yang di-chadangkan daripada pehak Pejabat Kebajikan Masharakat itu telah ter-putus dengan serta merta. Alasan per-untukan wang telah habis maka kanak² ini telah di-berhentikan sekolah.

Sa-lain daripada itu, Tuan Penge-rusi, S. 72 Pechahan-kepala 42—Bantuan bagi Banjir, Kebakaran dan lain² Benchana 'Alam. Tuan Penge-rusi, mengenai dengan bantuan mangsa banjir atau ayer bah, saya merayu kepada pehak Kementerian yang ber-kenaan supaya dapat memberi wang bantuan kerana ayer bah di-negeri Johor dengan sa-chukup²-nya atau pun di-harapkan pehak yang berkenaan akan dapat memberikan wang per-untukan itu apabila di-minta oleh negeri yang mendapat kemalangan yang tersebut. Sebab pun saya kata-kan begitu ia-itu mengenai dengan membantu mangsa ayer bah yang ber-laku sedikit hari yang lampau masch

ada yang belum lagi menerima bahagian-nya. Ini juga terhenti disebabkan kekurangan wang dan sudah habis peruntukan-nya, sedangkan orang yang menjadi mangsa yang maseh belum menerima bahagian-nya agak terlalu lama menunggu, macham buah tidak gugor, dan mula ber-sungut² mengatakan Kerajaan tidak bersikap 'adil terhadap kapada-nya. Kerana, Tuan Pengerusi, memberi bantuan yang tidak sa-kata ada yang dapat, ada yang tidak. Oleh yang demikian saya berharap supaya kedua² perkara yang saya nyatakan ini dapat hendak-nya menarek perhatian Kementerian yang berkenaan, supaya di-segera menambahkan peruntukan kerana bantuan kapada orang miskin dan menderita kesusahan oleh sa-suatu kemalangan supaya Kerajaan tidak di-anggap tidak mengambil berat memper-timbangkan rayuan² orang miskin yang memerlukan bantuan bagi merengankan sedikit penderitaan mereka.

Tuan Pengerusi, saya juga telah di-fahamkan oleh pihak yang berkenaan, wang peruntukan kerana ayer bah telah habis dan banyak mangsa² ayer bah yang belum mendapat apa² bayaran sagu hati kerana kerugian-nya, dan pihak-nya sudah pun merayu meminta tambahan, tetapi hingga sekarang belum mendapat apa² jawapan. Sa-kira-nya benar, saya berharap dengan ada-nya wang peruntukan yang telah di-luluskan oleh Dewan ini, maka dapat-lah pihak Kementerian ini menambahkan dengan sa-chepat mungkin, sebab baharu² ini telah berlaku ayer bah di-Johor Bahru, menurut utusan hari sa-malam, dan ini sudah tentu banyak yang mengalami kesulitan² dan kerugian² terhadap pada orang² yang menerima kemalangan itu, dan saya percaya Pejabat Kebajikan Masyarakat tentulah akan bertindak dengan memberi bantuan dengan sa-chepat mungkin, tetapi apakan daya, kalau sa-kira-nya wang peruntukan sa-bagai ayer bah itu tidak ada lagi di-pejabat pada masa ini. Sekian, terima kaseh.

Enche' Siow Loong Hin (Seremban Barat): Mr Chairman, Sir, in discussing

the estimates of the Ministry of Social Welfare Services, I would like to touch on one of the services which, I think, requires a general review. I refer, in particular, to the question of public assistance. Part of social services is public assistance. Social assistance to the needy comprises of a variety of benefits designed to meet personal and family needs due to lack of minimum resources such as benefits for the sick, for the unemployed, for the disabled, for the deserted families, widowed mothers, orphans and indigents, etc. Assistance to the needy may include also care in institutions, feeding projects for the needy, emergency cases, calamity, and so forth. Sir, public assistance can be looked upon as a financial counterpart of non-material services. Public assistance, as we all know, has its root in charity. It used to be an institutionalised form of charity. However, programmes of assistance to the needy, as we all know today, falls into two main classes: special assistance for specific categories of needy persons, or for recognised kinds of distress, and general assistance for all those without sufficient means of subsistence.

In most advanced countries, with more advanced systems of social security, public assistance schemes function primarily as supplementary measures to provide for residual groups of persons not covered or inadequately covered by other forms of security. They are now looking upon public assistance in these advanced countries in a new and enlightened way. They have reorganised, liberalised or extended schemes of public assistance as regards coverage, conditions of eligibility, the nature and rates of assistance, and the methods of financing the policies and procedures in the administration of assistance as well. Legislations were enacted with mandatory assistance on behalf of various special categories of persons in need. It recognises the right to assistance.

Now, Sir, let us take a look at the public assistance in this country. Is public assistance a right? Is the assistance given relieving the persons or families? In the first instance, Mr

Chairman, Sir, there is no uniformity of policies and procedures in the administration of public assistance; secondly, the rates of assistance given vary from State to State; thirdly, the assistance given does not satisfy the minimum subsistence requirements of the individual or family.

Sir, there are a number of factors why we do not have a conformity of policies and procedures in the administration of public assistance. First, there is no proper method of financing. Each State allocates funds for public assistance according to its means. Usually public assistance is of low priority in State budgets. Secondly, due to insufficient funds, there could be no proper standardisation in the rates of assistance. Thirdly, eligibility is no criteria, as the amount of money that is available limits the number that could be assisted.

Sir, public assistance in the Federation is a guess-work programme, based on the needs with a view to rehabilitation. The main basic principle of public assistance is that such assistance is of a temporary nature and as such it is meant to tide over a difficult period. Therefore, the question that arises is, will it be more beneficial to assist adequately a few, or should assistance be given to as many people as possible on smaller amounts? Of course, the officers concerned in ascertaining the needs have to take in certain determining factors which govern our considerations, such as the priority based on needs, the assistance according to the needs, and that the assistance should not exceed the general level of income. The key word therefore is *need*. The assistance is calculated to help the individual to attain a minimum standard of living. The need that we consider as the base is taken on, first, the social and economic background; second, the permanency of such a need; and third, the need for rehabilitation. The economic consideration is taken in relation to purchasing power, the basic economic needs, such as house rent, number of dependants, etc. As assistance is of a temporary nature, it is necessary, therefore, to try and rehabilitate persons and families, thus

helping them to become more economically independent, and by this way assist them to regain their sense of responsibility to the family and to society. If assistance is a right, then eligibility is based on specified requirements, and as soon as the individual or family is better off and do not come under the mandatory requirements, they cease to receive assistance.

As I mentioned earlier, Mr Chairman, Sir, most countries have accepted this principle of a right to assistance by the introduction of mandatory measures, as public assistance is a matter of social justice. If this principle is accepted, then we must take measures to see that those in need could look to the Government for the fulfilment of that right. This, Mr Chairman, Sir, is a first priority problem in the field of social welfare services. We must find ways and means to solve this problem. The requirements of social services should not be made to wait until we have achieved prosperity for its fulfilment. Every human being in dire distress with which, by reason of his personal circumstances, neither he nor his family can contend should receive social assistance.

Mr Chairman: The sitting is suspended until 4.30 p.m. today.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

EXEMPTED BUSINESS (Motion)

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir:
Mr Speaker, I beg to move:

That, notwithstanding the provisions of Standing Order 12 (1), this House shall not adjourn until the Supply Bill, 1965, shall have been read the third time and passed.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved.

That, notwithstanding the provisions of Standing Order 12 (1), this House shall not adjourn until the Supply Bill, 1965, shall have been read the third time and passed.

THE SUPPLY BILL, 1965

The House immediately resolved itself into Committee of Supply.

Head S. 72—

Debate resumed.

Enche' Siow Loong Hin: Mr Chairman, Sir, as I mentioned earlier this morning, most countries have accepted this principle of a right to assistance by the introduction of mandatory measures, as public assistance is a matter of social justice. If this principle is accepted, then we must take measures to see that those in need could look to the Government for the fulfilment of that right.

This is a first priority problem in the field of social services. We must find ways and means to solve this problem. The requirements of social services should not be made to wait until we have achieved prosperity for its fulfilment. Every human being who is in dire distress and with which by reason of his personal circumstances neither he nor his family can contend, should receive social assistance. Social aid is offered so that an individual or family may be assisted to lead a better life in his own social environment, adapt himself to it and progress beyond it.

The Central Government, Mr Chairman, Sir, should either accept the responsibility for public assistance, or work in conjunction with the State Governments by subsidising the programmes of public assistance in the various States. This subsidy programme could be worked out on a matching grant. This increase in funds will greatly help in establishing a uniformity of policies and procedures in the administration of public assistance throughout the country.

It is not fair for the Central Government to entrust to the State Government this basic service which, at the present moment, is not being fulfilled to the desired basis of which it could fulfil social assistance: therefore, I call upon the Central Government to review the whole policy of a public assistance scheme in the country with

a view to the Ministry itself participating in it. Thank you, Sir.

Mr Chairman: If there are no other speakers, I will call on the Minister to reply.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada tiap² sa-orang yang telah berucap pada masa membahaskan Kementerian saya, termasuk juga sahabat saya daripada apa yang di-katakan loyal Opposition daripada Petir. Sunggoh pun Petir menda'awa bahawa mereka ada-lah loyal Opposition, tetapi hendak-lah kita berhati² menghampiri mereka itu, oleh kerana ma'alam sahaja-lah Petir, kalau di-sambar-nya, jadi maut kepada siapa yang dekat kepada-nya. Sunggoh pun begitu, saya tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada mereka oleh kerana dengan ada-nya Ahli Yang Berhormat itu berucap dalam Dewan ini dapat-lah peluang bukan sahaja bagi diri saya menjawab-nya tetapi juga bagi rakan² saya di-sabelah sini bersama² untuk mengembalikan buah keras kepada dia.

Ahli Yang Berhormat daripada Singapura itu telah menegor berkenaan dengan wang peruntukan kerana kebajikan masyarakat bagi tahun ini kata-nya ada-lah chuma berjumlah \$4.7 juta sahaja dan jikalau dibandingkan dengan jumlah penduduk yang sa-banyak 7.8 juta, peruntukan yang di-buat ada-lah chuma berjumlah 61 sen bagi tiap² penduduk pukul rata. Di-Singapura kata-nya bagi sa-jumlah penduduk 1.8 juta Kerajaan Petir membelanjakan wang sa-banyak \$7.00 bagi tiap² satu kepala. Dan Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan berkenaan dengan masalaah pengemis² dan juga bantuan² dalam Pechahan-kepala 40 dan 41 yang kata-nya telah di-potong dan menunjukkan sa-olah² Kerajaan Perikatan tidak mempunyai kejujuran untuk menolong orang² yang miskin dan yang menderita.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab tegoran Ahli Yang Berhormat itu, ingin-lah saya menarek perhatian Dewan ini ia-itu dalam perkara kebajikan masyarakat, kita tidak boleh membuat perbandingan atau pun mengukor

kejujoran satu² Kerajaan dengan samata² mengira jumlah wang yang di-untukkan oleh Kerajaan bagi kebajikan masyarakat mengikut bilangan penduduk² yang ada di-Tanah Melayu ini, oleh sebab gulongan dan bilangan orang² yang berkehendakkan bantuan Kerajaan ada-lah kecil jika dibandingkan dengan jumlah penduduk yang ada di-negeri ini.

Yang kedua-nya, Ahli Yang Berhormat itu hendak-lah faham ia-itu keadaan kehidupan di-Singapura adalah berlainan dengan keadaan kehidupan penduduk² di-Tanah Melayu. Di-Singapura kebanyakan daripada penduduk² ada-lah hidup dengan makan gaji, di-Tanah Melayu kebanyakan daripada penduduk-nya duduk di-kawasan² luar bandar dan bekerja bersendirian berchuchok tanam untuk memberi sara hidup mereka dan keluarga mereka. Jadi, masalah wang atau pun peruntukan bukan-lah jadi factor yang terpenting sa-kali di-dalam mengukur sa-takat mana Kerajaan sanggup memberi pertolongan kepada ra'ayat yang menderita. Sungguh pun begitu saya bimbang Ahli Yang Berhormat itu tidak sedar tentang peruntukan yang sa-benar-nya di-buat untuk perkhidmatan² kebajikan. Mengikut Perlembagaan Kebajikan Masyarakat ada-lah menjadi tanggung-jawab berasingan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Peruntukan² yang di-tunjokkan di-dalam anggaran sa-panjangan tahun ini dan tahun hadapan ia-lah untuk perkhidmatan² yang menjadi tanggung-jawab Kerajaan Pusat dan anggaran ini tidak-lah memberi gambaran yang sa-benar-nya tentang jumlah wang yang di-untukkan kepada keseluruhan-nya bagi perkhidmatan² kebajikan di-seluruh negara.

Sa-lain daripada peruntukan yang di-untukkan di-dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan ini, Kerajaan² Negeri di-Tanah Melayu membelanjakan lebih kurang \$4 juta sa-tahun untuk kebajikan masyarakat. Kemudian Tabong Wang Amanah Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat akan menyediakan wang \$12 juta pada tahun hadapan untuk menggantikan wang \$2,500,000 yang akan di-potong

daripada Pechahan-kepala 40 dan 41. Jadi pada keseluruhan-nya boleh-lah di-katakan peruntukan bagi Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat ada-lah berjumlah lebih kurang \$22 juta.

Berkenaan dengan perkara pengemis², memang sa-benar-nya bandar² besar mempunyai peminta² sedekah, tetapi ini bukan-lah di-sebabkan oleh bantuan Kerajaan yang tidak cukup. Kebanyakan-nya daripada mereka ada-lah di-dapati tidak perlu sama sa-kali meminta sedekah. Untuk menambahkan rumit lagi ada-lah di-dapati pengemis² daripada Singapura juga telah datang ka-Tanah Melayu untuk minta sedekah oleh sebab Kerajaan Singapura, Tuan Pengerusi, tidak mahu memberi bantuan atau pertolongan kepada pengemis² di-sana—orang susah di-sana jikalau dia bukan ra'ayat Singapura. Perkara memberi bantuan 'am kepada orang² yang keperluan ada-lah sa-benar-nya menjadi tanggung-jawab negeri masing². Tiap² negeri ada mempunyai ranchangan-nya bersendirian dan bantuan ada-lah terharat kepada pemereksaan tentang kemampuan dan keperluan keluarga² yang meminta bantuan itu, kadar bantuan yang di-beri ada-lah berlainan antara satu negeri dengan yang lain, tetapi pada 'am-nya ia-lah \$15.00 sa-orang atau pun sa-tinggi²-nya \$75.00 bagi satu² keluarga. Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, sukatan ini ada-lah mencukupi untuk mengatasi kesusahan² yang di-hadapi oleh keluarga² yang berkehendakkan bantuan.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Barat baharu tadi telah menyatakan bahawa Ranchangan Bantuan 'Am yang di-tadbirkan oleh Kerajaan² Negeri tidak memuaskan oleh sebab tidak ada persamaan tentang pentadbiran ranchangan tersebut. Tiap² Negeri mempunyai kadar bantuan-nya bersendirian yang bergantung kepada banyak-nya orang² yang memohon bantuan dan wang peruntukan yang di-sediakan oleh Negeri² untuk perkara ini. Dia menhadangkan supaya Ranchangan Bantuan 'Am ini di-ambil alih oleh Kerajaan Pusat.

Untuk menjawab-nya, Tuan Pengerusi, saya suka-lah menyatakan di-sini ia-itu Ranchangan Bantuan 'Am

ada-lah menjadi tanggung-jawab Kerajaan Negeri mengikut Perlembagaan. Dan oleh itu tidak-lah dapat di-elakkan yang tiap² Negeri itu mempunyai dasar-nya sendiri tentang pentadbiran ranchangan ini. Sunggoh pun begitu hendak-lah Ahli Yang Berhormat itu faham ia-itu wang² peruntukan yang di-buat oleh Kerajaan² Negeri bukan-lah juga puncha kewangan untuk memberi bantuan kepada orang² yang berkehendakkan bantuan. Telah pun saya katakan tadi yang Kerajaan Pusat juga menyediakan bantuan² wang untuk perkara yang sa-rupa. Tentang perkara mengambil alih tanggung-jawab berkenaan dengan pentadbiran Ranchangan Bantuan 'Am seperti yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya dukachita-lah kerana perkara ini ada-lah berkaitan dengan Perlembagaan, ini ada-lah satu perkara yang ada bersangkutan paut dengan Kerajaan² Negeri, dan tidak-lah dapat saya memberi satu jawapan yang tegas.

Ahli Yang Berhormat daripada Johor Bharu Timor telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian saya dan untuk menjawab tegoran² yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bharu Timor itu, suka-lah saya menyatakan ia-itu untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat itu, molek juga saya terangkan ia-itu Rumah Kanak² Johor Bharu ada-lah memberi pertolongan kepada dua jenis gulongan kanak², ia-itu terutama-nya gulongan kanak² yang tidak mempunyai kechachatan apa² dan boleh mengikuti chara hidup yang biasa. Gulongan yang kedua ia-lah kanak² yang didapati chachat, sama ada anggota-nya atau pun otak-nya. Bagi gulongan kanak² yang biasa, kita mempunyai 60 orang dan daripada ini chuma 4 orang perempuan sahaja yang berumur lebih daripada 12 tahun tetapi tidak lebih daripada 14 tahun dan keempat² budak perempuan ini maseh dalam bangku sekolah. Dalam gulongan yang kedua tadi ia-itu kanak² yang chachat anggota atau pun otak-nya, kita mempunyai 62 orang dan daripada jumlah ini 10 orang budak² perempuan berumur antara 17 dan 21 tahun.

Sunggoh pun budak² ini umur-nya telah berlanjutan, tetapi akal fikirannya sama juga macham budak² yang berumur 5 tahun atau 6 tahun dan ada-lah menjadi bahaya pada diri mereka jika kita lepaskan daripada jagaan Rumah tersebut, tambahan pula budak² yang sa-umpama ini tiada siapa yang hendak menjaga di-rumah, kalau ada pun saudara mara sa-kali pun, kadang² mereka tidak mengakui atau pun tidak mampu hendak menerima dan menjaga mereka.

Tentang tegoran Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan bantuan kepada kanak² sekolah dan orang ramai, saya ingin menerangkan ia-itu perkara memberi bantuan kepada orang ramai dan juga kepada kanak² sekolah—ada-lah menjadi tanggung-jawab Kerajaan Negeri masing² sa-bagaimana saya telah terangkan tadi. Saya harap perkara ini akan dapat di-kemukakan kepada Kerajaan Negeri Johor. Sunggoh pun begitu molek juga saya menerangkan bahawa Kerajaan Pusat telah menolong sa-banyak lebih kurang \$1.5 juta kepada Negeri² daripada Tabong Wang Amanah Perkhidmatan Kebajikan untuk bantuan kepada orang² miskin, kanak² sekolah, pengidap² penyakit yang berjangkit dan sa-bagai-nya.

Beraleh pula kepada tegoran yang ketiga ia-itu berkenaan dengan bantuan kepada mangsa banjir. Saya ingin menerangkan ia-itu semua bantuan yang kita telah terima di-Ibu Pejabat di-sini, daripada awal tahun ini, telah pun di-tunaikan dan berkenaan dengan banjir yang baharu berlaku satu dua hari baharu² ini. Jadi kita di-Kementerian saya belum lagi mendapat apa² permohonan berkenaan dengan perkara itu dan sa-kira-nya ada permohonan perkara itu, boleh di-timbangan.

Sekian sahaja-lah, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan orang yang mendapat kemalangan banjir itu, 7 bulan yang lalu di-kawasan saya sendiri, chuma separoh sahaja yang sudah dapat bantuan kerana ayer bah, separoh lagi belum terima hingga sekarang. Saya

sudah pergi berjumpa dengan pehak yang berkenaan, kata-nya dia telah merayu kepada Kerajaan Pusat meminta bantuan kerana hendak membantu orang yang mendapat kemalangan ayer bah itu tetapi belum lagi dapat apa² jawapan. Jadi orang yang separoh yang belum menerima bantuan itu terpaksa-lah menunggu sa-hingga sekarang—hingga sekarang belum lagi menerima bantuan itu. Dan yang kedua, Yang Berhormat telah menjawab ia-itu di-Rumah Keluarga Angkat, kata dia, orang yang berumur 17 tahun ka-atas itu ia-lah orang yang chachat. Tetapi yang sa-benar-nya ada anak² yang tidak chachat yang sehat yang sudah berumur 17 tahun ka-atas dan sudah berhenti daripada sekolah dudok di-dalam Rumah Keluarga Angkat dengan keadaan bagaimana yang saya katakan tadi.

satu mesen yang tidak memuaskan hati dan tidak seronok kata orang sana. Pada satu hari takut² barangkali sampan kuda itu kalau lori naik dalam-nya orang yang menompang itu akan jatuh atau pun terbalek. Saya harap dalam peruntukan yang \$14 juta ini mudah²an ada di-chatitkan tentang dua perkara yang saya sebutkan untuk perhatian Yang Berhormat Menteri.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan jalan. Saya tidak tahu apa-kah sebab-nya daripada Batu 51 sampai Batu 53 daripada Simpang Taiping hendak pergi ka-Pulau Pinang. Bila kita lalu atas jalan ini macham kita dudok dalam sampan dalam laut, berombak. Saya tidak tahu apa fasal-nya. Sunggoh pun jalan ini baik dan bertar semua-nya, tetapi bila motokar lalu di-situ macham kita dudok dalam sampan di-pukul ombak. Banyak orang yang bersungut tentang perkara ini. Saya suka Yang Berhormat Menteri chuba menyiasat perkara ini. Kalau hendak tahu kuat tidak-nya chuba-lah lari motokar itu dalam 50 batu sa-jam. Jalan-nya ia-lah daripada Batu 51 sampai Batu 54 dekat dengan Kampong Diu.

Ini-lah perkara yang saya hendak sampaikan kepada pengetahuan Yang Berhormat Menteri. Saya harap apa yang saya katakan jangan-lah Yang Berhormat Menteri kechil hati dan marah saya. Perkara² itu saya chuma beri pandangan sahaja. Terima kaseh.

Enche' Hussein bin Mohd. Noordin (Parit): Tuan Pengerusi, berchakap di atas Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom ini yang pertama sa-kali saya hendak menguchapkan terima kaseh bagi pehak kawasan saya kepada Yang Berhormat Menteri ia-itu banyak ranchangan berkenaan dengan jalan raya, perkhidmatan pos dalam kawasan saya telah pun di-baiki dan ranchangan² ini pun telah berjalan, dan saya perchaya penduduk² di-kawasan saya bersetuju jika saya beri ucapan tahniah kepada Menteri yang berkenaan.

Saya hendak berchakap sadikit sahaja ia-itu hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri ber-

kenaan dengan jalan raya baharu daripada Tanjong Belanja sampai ka-Pasir Salak—ranchangan jalan baharu di-kawasan saya. Ranchangan ini telah berjalan dan sampai hari ini boleh-lah di-megahkan, kerana jalan yang bertar sa-jauh 30 batu telah siap dan boleh kereta lalu. Apa yang saya hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri ia-lah apabila konterektor P.W.D. buat jalan ini, parit kiri dan kanan jalan ini di-korek dalam², tetapi tidak ada parit hendak buang ayer itu ka-Sungai Perak.

Jadi jikalau hujan datang maka ayer itu stagnant atau bertakong di-situ menambahkan lagi nyamok. Bahkan baharu² ini dalam bulan sudah saya pun telah di-desak oleh orang² kawasan saya menengok keadaan samacham ini—satu kampong yang nama-nya Telok Kepayang telah pun di-banjiri oleh ayer yang bertakong—ayer hujan. Jadi 126 buah rumah telah pun penoh dengan ayer di-bawah rumah-nya. Di-situ ada dekat sa-ribu penduduk, ayam-nya mati, itek-nya mati, kambing-nya mati kerana plan-ning P.W.D. ini tidak betul. Saya perchaya dia orang bagi sub-contractor membuat parit, jadi dengan tidak ada supervision maka di-benarkan contractor² ini mengatakan perkara ini sudah sah boleh di-pakai—di-sahkan oleh P.W.D., sa-patut-nya mesti ada jalan ayer hendak membuang ayer ini daripada parit tepi jalan raya itu kepada satu parit buangkan ayer ka-Sungai Perak. Jadi perkara ini wakil saya ia-itu wakil negeri telah pun membawa perkara ini kepada S.E. Dinding. S.E. Dinding datang; saya mengaku dia datang ka-spot—ka-tempat itu tetapi tidak ada tindakan. Perkara ini bukan-nya terjadi pada tahun ini tetapi tiap² tahun apabila telah pun jalan baharu ini di-adakan. Jadi saya berharap-lah kepada Menteri ini supaya minta S.E. Dinding menjalankan pekerjaan-nya supaya ada jalan hendak buangkan ayer dari parit yang penoh dengan ayer di-situ.

Yang kedua, berkenaan dengan Postal Service. Dalam kawasan saya ini Yang Berhormat Menteri telah tahu dahulu-nya sa-belum kita merdeka barangkali jika orang hendak menulis

surat kepada kawasan saya, mithal-nya di-Lambor Kiri atau Lambor Kanan atau di-Pulau Tiga sa-kurang²-nya sa-minggu atau 10 hari baharu surat itu dapat kepada orang-nya—orang yang kita hendak tulis surat itu. Sekarang ini dengan ada-nya jalan raya sa-belah kiri dan sa-belah kanan Jalan Sungai Perak maka saya perchaya bukan-lah sampai lagi sa-minggu bahkan sekarang pula 10 hari pun tidak tiba surat itu. Jadi, saya perchaya Postal Service ini patut-lah di-baiki dalam kawasan saya. Jadi apa yang saya tahu baharu² ini; saya kenal benar, saya ada hantar surat dan poskan dengan register daripada Parit kepada sa-orang yang bernama Alang Kamarudin, dia ini Guru Kelas Dewasa. Guru Kelas Dewasa dalam satu kampung, saya perchaya, semua orang tahu. Saya poskan, alamat: Guru Kelas Dewasa Lambor Kanan, Parit—Poskan di-Parit. Jadi posman itu tulis note di-situ “unknown”. Jadi saya bimbang dan berharap Menteri ini supaya posman yang ada di-Lambor Kanan itu di-tukarkan dengan serta merta sebab jikalau saya hendak chakap di-sini macham² boleh chakap berkenaan dia itu, banyak surat di-buang dalam kedai kopi, di-buang dalam kopi, bahkan sekarang ini jikalau kita hendak menghantar surat sa-belah kiri, Tuan Pengerusi, tahu-lah sa-belah kiri, yang di-hantarkan sa-belah kanan sahaja kata Lambor Kiri—di-hantar Lambor Kanan. Jadi di-harapkan orang yang di-Lambor Kiri naik sampan datang ka-Lambor Kanan mengambil surat itu sa-patut-nya dia mesti hantar ka-Lambor Kiri atau pun jalan raya sekarang sudah ada, bridge baharu pun sudah ada. Banyak orang² besar di-Kuala Lumpur ini orang² di-Lambor Kiri. Jadi hantar surat kepada ibu bapa-nya ka-Lambor Kiri katakan saudara dia sakit di-sini, kemudian jikalau hendak datang, datang-lah chepat, sudah kebumi baharu dapat tahu. Ini gaya-nya. Jadi macham mana kita sudah ada jalan, sudah ada rotak baharu, postal service di-sana sahaja tidak berjalan.

Jadi saya minta dan merayu kepada Menteri Yang Berhormat supaya betul-lah postal service dalam kawasan

saya itu, jangan-lah macham dahulu sampai 10 hari baharu dapat surat. Dengan itu satu sahaja jalan kita mesti mengadakan postal agency banyak, saya perchaya dengan ada-nya postal agency sebab balai² raya banyak di-kawasan saya, kalau tiap² balai raya itu ada postal agent di-situ orang boleh beli stamp dan surat itu boleh di-hantarkan ka-balai raya di-situ ada Jawatan-kuasa berkenaan dengan balai raya itu.

Lagi satu berkenaan dengan talipon. Talipon, saya ingat, sa-belah kanan Sungai Perak bagus-lah perkhidmatan-nya, tetapi sa-belah kiri langsung tidak ada. Jikalau orang itu sakit, Tuan Pengerusi, sa-belah kiri kata-lah Pulau Tiga Kiri dia chari doktor, hendak panggil ambulance saya ingat tidak tiba ka-rumah sakit—tidak ada di-situ. Jadi saya berharap-lah kepada Menteri sebab kawasan saya itu kawasan orang Melayu yang banyak, yang miskin, yang banyak sakit, jadi saya harap-lah Menteri tolong beri pandangan yang berat-lah kepada kawasan saya. Terima kaseh.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil peluang sedikit di-dalam Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom ini kerana perkara ini barangkali mustahak di-bawa kepada pengetahuan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya tidak lagi khuatir dan tidak lagi shak dan waham ia-itu ada-lah Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom ini ada-lah bekerja rapat dengan Kementerian yang lain² di-dalam Kerajaan kita, sa-umpama Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kementerian Kesihatan. Dan dari itu saya bawa-lah perhatian Tuan Pengerusi dan Ahli² Yang Berhormat kepada muka 361 Supply Head 74, Pechahan-kepala 9, 13 dan 14. Di-sini, Tuan Pengerusi, kita dapat tahu ia-itu perkhidmatan ‘am kerja raya atau pun Kementerian Kerja Raya ini ada-lah bertanggung-jawab bagi membuatkan beberapa perkara, jalan raya, mengendalikn bekalan ayer dan juga menjal'ankan kerja² yang menchegeh nyamok. Saya telah pun berchakap di-Rumah yang berbahagia ini terlebih

dahulu ia-itu di-dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ada-lah ada-nya jalan² raya itu satu keuntongan yang besar dan satu chara yang boleh di-jayakan pembangunan luar bandar itu, dan di-dalam negeri Perak, dalam kawasan saya di-Kuala Kangsar, sa-rupa-lah dengan kawasan sahabat saya daripada Parit tadi, ada-lah ranchangan membuat jalan terus daripada Ipoh ka-selatan mengikut sa-belah kanan dan sa-belah kiri Sungai Perak kerana itu-lah satu jalan membukakan tenaga orang² kampung yang dudok di-tepi² Sungai Perak itu boleh mendapat kejayaan dan kemajuan. Maka perkara ini telah pun di-binchangkan di-dalam meshuarat Pembangunan Luar Bandar di-lapisan Daerah dan saya perchaya ia-itu Pejabat Kerja Raya ada-lah masok bersama² di-dalam meshuarat² yang di-adakan kerana menjadikan perkara ini.

Jadi, kalau sa-kira-nya dapat, saya minta-lah, kalau tidak dapat pun dalam tahun ini, hendak-lah di-masokkan di-dalam Ranchangan Lima Tahun yang akan datang, ia-itu jalan di-tepi² Sungai Perak itu daripada Utara ka-Selatan akan di-buat. Kalau sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri mengaku sahaja, rasa saya, orang² yang dudok di-dalam kampung² yang di-tepi Sungai Perak itu akan berasa puas hati.

Yang kedua-nya berkenaan dengan bekalan ayer. Tidak berapa hari dahulu, Tuan Pengerusi, saya sudah berchakap di-sini mengatakan berapa-kah penting-nya bekalan ayer yang baik itu di-adakan di-merata², serata cherok dan wilayah di-dalam negara kita ini, kalau sa-kira-nya kita tidak berkehendakkan penyakit macham wabak taun berlaku lagi sa-kali di-dalam negeri ini. Saya perchaya-lah ia-itu perkara yang sa-macham ini pun juga ada dalam ranchangan, tetapi malangnya orang² di-kampung di-tepi² Sungai Perak itu tidak dapat di-kebelakangan bekalan ayer yang melalu² paip itu, dan dengan itu saya harap-lah ia-itu sementara di-adakan persediaan bagi mengendalik² bekalan ayer itu dan juga perkara² lain, akan perkara yang saya pinta ini dapat perhatian.

Sa-lain daripada itu saya suka juga hendak mengatakan di-sini perkara yang kedua ini hendak-lah Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom ini bekerja rapat dengan Kementerian Kesihatan dan juga dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kalau tidak, kalau sa-kira-nya, masing² membawa diri dengan chara bekerja dengan bersendirian tentu sahaja-lah tidak berapa maju dan kemajuan yang akan di-dapati barangkali akan tergendala pada akhir-nya. Dengan itu saya menguchapkan terima kaseh sa-kali lagi kepada Tuan Pengerusi.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun juga menyokong Anggaran Perbelanjaan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ini. Sa-lain daripada itu saya hendak berchakap muka surat 353 S. 73—Kaki-tangan Bagi Bangunan Parlimen. Walau pun ada kaki-tangan yang telah di-untokkan dalam Anggaran Perbelanjaan ini, tetapi saya nampak tidak boleh mengatasi tragedy² pechah pintu. Pechah pintu yang saya maksudkan untuk pintu sa-belah depan mempunyai chermin. Sudah tiga kali, Tuan Pengerusi, orang langgar pitu itu kena kemalangan dan luka. Pertama-nya Polis kita, yang kedua orang daripada Afrika Selatan, yang ketiga baharu hari ini orang langgar pintu depan, pechah. Jadi saya mengharap² Yang Berhormat Menteri dapat menengok, kalau dapat, boleh di-gantikan pintu chermin itu dengan alat chermin yang tidak boleh pechah melukakan atau pun di-ganti dengan plastic.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya berchakap dalam muka surat 361 Pechahan-kepala 13—Penyenggaraan Jalan² Raya dan Jambatan. Jadi dengan ini saya bagi pehak daerah Muar menguchapkan tahniah kepada Yang Berhormat dengan perlaksanaannya jambatan Muar dan Batu Pahat pada awal tahun ini.

Berhubung dengan jalan raya, Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang saya hendak sampaikan pendapat saya kepada Kementerian ini ia-itu sa-batang jalan raya yang saya fikir sangat penting kepada ra'ayat di-luar bandar

walaupun perkara ini saya patut chakapkan dalam Pembangunan akan datang, saya bimbang saya tidak dapat berchakap oleh sebab kesuntukan masa. Jadi saya minta izin-lah, Tuan Pengerusi, saya teruskan. Ada satu kawasan yang di-buka oleh orang² China sa-luas 6,000 ekar. Kawasan 6,000 ekar ini, Tuan Pengerusi, di-tanam-nya pokok getah, tidak dapat bantuan daripada Kerajaan, mereka usahakan sendiri. Kemudian daripada itu, anggaran dalam dua tahun lagi 6,000 ekar getah ini akan di-toreh dan sekarang pun ada yang telah di-toreh. Yang menjadi kesulitan pada mereka ini berhubung dengan jalan raya. Mereka pada masa sekarang menompang jalan raya di-estate, bukan sahaja mereka kena sewa daripada Dunlop Estate itu tetapi mereka tidak di-benarkan berjalan waktu malam. Hal ini telah pun di-kemukakan kepada Kerajaan Negeri Johor tetapi Kerajaan Negeri Johor tidak dapat hendak membuat jalan raya ka-tempatnya. Jalan Raya ini, Tuan Pengerusi, jauh-nya kira² 9 batu. Saya suka menerangkan jalan ini daripada jalan raya Senggang Batu 20 masuk kapada jalan raya F.L.D.A. Bukit Serampang. Jadi hal ini memang-lah di-rasai sangat di-kehendak oleh ra'ayat yang menduduki tanah itu sebab dia hendak membawa hasil mahsul getah. Sa-kiranya ada jalan raya itu, akan mendatangkan kemudahan kepada mereka dan mendatangkan keuntungan kapada Kerajaan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap muka 361 Pechahan-kepala 7—Penyenggaraan Bangunan. Berhubung dengan bangunan ini, saya chuma hendak menyentoh dua perkara bangunan sahaja. Satu saya harap pada Yang Berhormat ini supaya dapat mengambil perhatian mengadakan bangunan Pejabat Pos dipekan Bukit Gambir dan ini telah saya chakapkan dalam Parlimen yang lalu dan tanah kawasan untuk Pejabat Pos Bukit Gambir itu telah sedia ada sekarang. Kesulitan ra'ayat yang lebeh kurang 20,000 ia-lah pada masa sekarang menggunakan Pejabat Pos di-Sungai Mati sa-jauh kira² 6 batu jauh-nya. Sangat-lah sulit pada ra'ayat

berhubung dengan urusan² Pejabat Pos ini. Saya harap dapat di-pertimbangkan atau dapat di-ambil ingatan oleh Yang Berhormat Menteri ini.

Satu lagi bangunan ia-itu quarters pekerja² Pejabat Pos dan Talikom. Ini, waktu Yang Berhormat datang ka-Tangkak, saya telah menyatakan, lepas pegawai² hendak mengukor kawasan itu hendak membuat bangunan quarters pekerja² talipon. Tetapi malang-nya sampai sekarang bangunan itu belum dapat di-buat. Sekarang pekerja² talipon itu dudok-lah, Tuan Pengerusi, di-atas rumah bangunan quarters berumur 40 tahun, di-situ-lah juga tempat masak, di-situ-lah tempat tidor. Sa-kali lagi, saya tunda supaya dapat pertimbangan di-adakan bangunan itu.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Pejabat Pos. Memang Kerajaan telah banyak mengadakan Pejabat² Pos ini. Satu perkara yang saya hendak sentoh berhubung dengan Pejabat Pos ini, saya harap jangan-lah hendak-nya, kerana Pejabat Pos yang di-buat sekarang, sa-lain daripada Pejabat Pos di-buat di-situ, di-situ juga di-tempatkan pegawai²-nya. Apa yang saya hendak sentoh berhubung dengan Pejabat Pos yang baharu di-buka itu ia-itu penghuni rumah Pejabat Pos itu menaruh kain lampin-nya, kain basah-nya di-depan Pejabat Pos. Pada pandangan saya-lah, Tuan Pengerusi, tidak molek sangat-lah. Kalau hendak mengampai kain basah, kain lampin, taroh-lah di-belakang jangan di-depan Pejabat Pos.

Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh kerana dapat berchakap dalam hal Kementerian ini tidak banyak. Yang pertama saya hendak berchakap, hendak mengulang balek pertanyaan saya atau pun pandangan saya dalam hal jambatan yang saya sudah suarakan barangkali dalam masa Budget, sa-belum ada pilehan raya dahulu, ia-itu niat Kerajaan Negeri Sembilan dengan niat Kerajaan Melaka tidak sampai, ia-itu satu jalan, kalau kita merentas daripada Port Dickson hendak pergi ka-Melaka jalan

yang paling dekat ia-lah melalui Tanjong Agas. Jadi tidak-lah memusing masuk ka-Linggi, masuk ka-Lubok China membelit dan berbagai² corner ada. Saya sudah dapat jawapan dahulu akan di-timbangkan, tetapi apabila saya tengok dalam Estimate Pembangunan, tidak ada satu ranchangan pun yang di-buat berkenaan dengan hendak merancang satu jambatan yang hendak menghubungkan Sungai Kuala Linggi ia-itu jalan raya yang ada di-Negeri Sembilan sudah sampai tepi tebing sungai, bas pun jalan di-situ. Jalan dari Melaka pun di-sabelah Kampong Nelayan, Kuala Linggi itu pun sudah sampai juga, memang sengaja di-buat sampai ka-tepi jambatan itu. Tetapi malang-nya kalau ada apa² hal dalam masa ini, terutama sa-kali umpama perhubungan tentera kita yang daripada Port Dickson hendak ka-Sungai Udang atau ka-tempat lain² dan membelit². Saya tidak-lah meminta jambatan atau pun hendak meminta jambatan yang berjuta² ringgit seperti di-Trengganu yang telah di-buat berpuluh² juta ringgit itu, tetapi kalau mithal-nya jambatan seperti di-Bukit Tengah di-sa-Berang Perai ia-itu jambatan yang di-buat oleh military yang di-letakkan di-situ, saya rasa pun boleh kita gunakan untuk menyenangkan kenaikan yang hendak menghubungkan Melaka dengan Negeri Sembilan yang melalui pantai.

Jadi, lagi satu perkara yang saya hendak sentoh, ia-itu untuk menyenangkan orang ramai berhubung dengan pos, atau pun perhubungan taligeram, ini berlaku di-tempat saya di-Masjid Tanah. Dahulu sa-belum perang ada kerja yang sukar, kerja part time, atau pun kerja yang bukanlah sa-bagai kaki-tangan Kerajaan, ada orang-nya yang di-beri tauliah yang boleh menghantar taligeram. Sekarang ini menjadi satu kesulitan, terutama sa-kali dalam hal² hendak menyampaikan taligeram, kerana kawasan yang di-kelolai oleh Pejabat Pos Masjid Tanah ini, yang saya tahu, pada tahun yang akan datang ini hendak di-bena baharu, kerana peruntukan dalam projek ini sudah pun di-beri. Dari tempat ini ka-Kuala Linggi sa-jauh di-antara 14 hingga 15 batu, dan ka-Lubok China serta di-tempat² lain itu semua

tempat pos² ini tidak menerima taligeram, melainkan Masjid Tanah, hendak menghantar, atau hendak menerima, tetapi malang-nya sekarang ini chara taligeram ini sudah malas sedikit orang hendak menghantar-nya. Dia pakai talipon dan dia hantar siang hari, malam dia hantarkan ka-rumah² orang yang ada talipon di-situ menyatakan sakit, atau pun pening, jadi menggunakan talipon ini ada-lah lebeh chepat sampai, kerana taligeram itu nanti postman kita yang pergi menghantar surat sa-belah pagi dengan mengayoh basikal dalam tujuh lapan batu, kemudian balek, kemudian kalau ada taligeram yang di-terima, baharu-lah hendak di-hantar. Jadi, perhubungan dengan taligeram di-wilayah saya itu ada-lah lebeh lambat. Jadi, pada masa akan datang, saya tidak tahu-lah macham mana pehak Kementerian ini boleh menolong menyegerakan urusan ini untuk kebaikan semua pengguna² taligeram, sama ada menghantar atau pun menerima taligeram dalam kawasan itu.

Satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan di-sini ia-lah berkenaan dengan pos dan talikom ini, ia-itu semenjak di-tukarkan chara automatic di-seluruh Melaka ini, saya rasa perjalanan ini pun ada-lah baik, tetapi ada satu perkara yang saya suka hendak memberitahu Kementerian ini ia-itu bila kita minta, kata-lah daripada Pesawat Kechil, Masjid Tanahkah, atau Alor Gajah, atau Jasin, atau lain²-nya daripada Melaka, dia mesti keluar daripada negeri Melaka, mesti menerusi Melaka, baharu-lah boleh keluar ka-Kuala Lumpur dan lain². Jadi, bila kita hendak berhubung terus keluar ini, malang-nya operator yang hendak menghubungkan ka-luar itu, kadang² kita dengar tot! tot! sampai dua tiga minit pun ta' ada menjawab. Saya ta' tahu pula macham mana chara ini. Jadi, bila kita hendak berchakap sedikit perkara yang hendak chepat, terpaksa nanti, terpaksa tunggu, kadang² saya ada terkena pada satu masa sampai 10 minit, kemudian pula yang punya hal-nya, bila dia dengar tot! tot! selalu itu, dia tutup sendiri; kita minta dial lagi, dia tutup-nya balek. Jadi, macham mana

gaya-nya yang boleh hendak di-tolong untok kebajikan, atau pun perhubungan yang lebeh lekas lagi dalam masaalah ini.

Jadi, saya harap perkara ini dapatlah di-bantu oleh jabatan ini untok memudahkan bagi pehak kita. Jadi, yang lain² itu, saya ucapkan terima kaseh banyak, kerana kawasan saya pun banyak-lah berkenaan dengan pembangunan yang di-berikan oleh jabatan ini. Terima kaseh.

Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap dalam S. 74, muka 361, berhubung dengan jalan raya. Rasa saya Jabatan Kerja Raya, Pos dan Talikom ini patut-lah kita memberi tahniah yang sa-tinggi²-nya, kerana memberi kesenangan kapada semua ra'ayat, terutama sa-kali berhubung dengan jalan² raya yang sedang di-bena dalam negeri kita ini dengan baik.

Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya, Melaka Selatan, banyak jalan² raya sedang di-bena dan akan di-bena. Satu kemushkilan orang ramai yang patut saya kemukakan di-sini ia-lah berhubung dengan pembukaan jalan raya yang chuma jauh-nya satu batu, atau dua batu—Kerajaan berkehendakkan membuat sampai 66 kaki juga, dan ini menyebabkan beberapa banyak pokok² orang kampung yang rugi; tanah luas, pada hal jalan raya yang di-buat itu chuma sedikit sahaja. Jadi, ini saya berharap mendapat timbangan Kementerian, pada hal jalan yang di-buat itu bukan-lah jalan raya yang besar, jalan kelas satu. Saya bimbang kalau perkara ini di-paksa juga nanti susah-lah ra'ayat di-kampung², kerana adat kita orang² Melayu umpama-nya pokok² yang mustahak, kalau sudah ditebang, banyak mendapat kerugian.

Tuan Pengerusi, berchakap berkenaan dengan jalan raya, pada dua minggu yang lalu—ta' sampai dua minggu yang lalu, saya balek daripada Melaka datang ka-mari, saya tengok ramai orang dengan motokar-nya berhenti di-Bukit Mantin. Rupa-nya sa-buah motokar telah masuk ka-dalam sa-buah gaong di-Bukit Mantin—ta' tahu-lah saya sama ada orang itu

hidup, atau mati di-dalam motokar yang masok gaong itu. Maksud saya ia-lah saya berharap supaya pehak Jabatan Kerja Raya ini memberikan "Batu Tanda", ia-itu kalau kita datang dari Kuala Lumpur ini di-sabelah kiri di-pasang Batu Tanda itu, atau pun di-pagarkan supaya jangan motokar terlajak masok gaong. Kalau sudah terlajak, rasa saya ta' akan hidup lagi.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya nampak Jabatan Kerja Raya ini boleh mengambil peranan yang penting dalam mengenalkan bahasa kebangsaan kapada seluroh ra'ayat. Saya dapati banyak lagi jalan², tanda² yang belum di-tukar lagi kapada bahasa kebangsaan. Saya merayu-lah kapada Kementerian yang berkenaan patut-lah dari sekarang ini, kita menukarkan hal² ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beraleh kapada Perkhidmatan Pos. Kelambatan surat² yang di-sampaikan kapada orang ramai memang ada, jadi saya chadangkan patut-lah tiap² postman ini di-beri sa-orang satu motorcycle supaya senang dia dapat menghantar. Ini bukan-lah jalan sungai, atau pun yang tidak ada jalan raya, tetapi yang ada jalan raya patut-lah di-beri motor-cycle supaya senang surat² ini sampai lekas.

Sa-lain daripada itu berhubung dengan pos, sa-tahu saya banyak Wakil² Pos di-tempat saya yang patut-lah mendapat timbangan daripada Kementerian yang berkenaan dengan di-beri elaun kapada-nya. Di-tempat saya itu entah \$20 atau \$25 satu bulan di-beri.

Terlanjor saya berchakap berkenaan dengan pos ini saya rasa, Tuan Pengerusi, sudah sampai masa-nya di-Sungai Rambai patut ada sa-buah pejabat pos, sebab kedudukan kawasan ini tidak kurang daripada 15,000 penduduk daripada Sebatu, Sungai Rambai dan Kesang, kalau hendak pergi pos dan merajister surat kena pergi ka-Merlimau atau ka-Muar yang jauh-nya 6 batu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan talipon. Saya merayu kapada Kementerian yang berkenaan kerana ini satu perkara yang mustahak. Warta berita pukul 1.30 tadi ada

mengatakan askar² Indonesia ada mendarat lagi di-Pontian. Jadi, kawasan di-sabelah pantai patut-lah pos² kawalan kampung yang berjaga di-tepi laut kita berikan talipon. Kejadian askar Indonesia mendarat di-Sungai Rambai, Kuala Kesang dahulu Pengawal Kampong kita berlari ka-balai polis pada pukul 3.30 pagi yang jauh-nya 2½ batu. Kalau ada talipon di-tempat mereka jaga itu saya rasa polis lagi lekas dapat tahu dan dapat kita chegah askar Indonesia yang mendarat itu dengan sa-berapa segera. Di-tempat saya banyak tempat yang patut di-beri talipon saperti Kampong² Serekam, Pulai, Umbai dan Pernu. Jadi, ini-lah sahaja pandangan saya. Terima kaseh.

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan Ahli² Yang Berhormat ia-itu masa perbahathan ini telah dilanjutkan dengan persetujuan Ahli² Yang Berhormat sa-hingga pukul 10 malam. Kalau boleh, bercakap dengan sa-berapa pendek. Kalau tidak ada quorum nanti kita tidak boleh bermeshuarat. Sekarang ini saya tempohkan meshuarat ini sa-lama 15 mimit.

Sitting suspended at 6.25 p.m.

Sitting resumed at 7 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

House immediately resolved into Committee of Supply.

Debate resumed.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, dalam membahath peruntokan bagi Kementerian Pos dan Talikom ini, saya suka menyampaikan ucapan sa-tinggi² terima kaseh dan tahniah di-atas kerja² yang telah di-buat oleh Kementerian ini, terutama sa-kali berkenaan dengan jalan yang sa-patut-nya telah di-buat daripada Sekinjang hingga ka-Sabak Bernam sa-jauh 30 batu. Jadi, dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri ini, maka jalan itu pada masa ini tinggal lagi lebeh kurang sa-tengah batu lagi yang belum siap.

Dan yang kedua, saya suka menyampaikan ucapan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri ini juga yang telah menunjukkan jasa baik-nya bagi menyelesaikan kerja jalan daripada Sa-

bak Bernam ka-Sungai Ayer Tawar yang sa-jauh 15 batu, dan bagitu juga berkenaan dengan paip² ayer—saloran² paip ayer telah mula di-buat di-seluruh Sabak Bernam, tetapi, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja yang saya rasa dukachita dan kasehan kapada Jabatan Kerja Raya ini di-Sabak Bernam di-mana tidak ada mempunyai Jurutera Kerja sendiri sa-bagaimana daerah² yang lain di-dalam negeri Selangor yang saya tahu, sedangkan kerja Jabatan Kerja Raya ini yang di-hadapi sangat-lah banyak di-daerah Sabak Bernam sana. Maka saya rasa sudah-lah sampai masa-nya bahawa Yang Berhormat Menteri ini dapat memberi jasa baik-nya bagi mengadakan sa-orang Jurutera Kerja yang dudok dalam daerah Sabak Bernam untuk mengawal dan menjalankan tugas²-nya yang bersangkutan dengan Jabatan Kerja Raya ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya suka bercakap pada muka 361, Pechahan-kepala 13 ia-itu Penyelenggaraan Jalan² Raya dan Jambatan. Satu perkara yang menarek perhatian saya, ia-itu satu jambatan dekat Sekinjang, simpang Kiang Sit, sa-buah jambatan yang telah di-buat oleh jabatan ini tidak berapa lama dahulu yang telah mendatangkan satu perkara yang sangat² menyedehkan yang mana sa-orang Melayu daripada kaki-tangan Kerajaan juga telah jatuh di-dalam parit Kiang Sit dan mati suami isteri, di-sebabkan jambatan itu kedudukan-nya ada-lah tinggi dan di-tepi jambatan itu tidak di-beri papan tanda yang mana perkara ini, pehak warith si-mati ini pada masa ini sedang membuat da'awaan di-Mahkamah, barangkali saya perchaya, harus Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor terpaksa membayar segala kerugian belanja kereta dan belanja mengebumikan mayat² itu. Jadi bagitu juga dengan jambatan² yang lain daripada Sekinjang membawa ka-Sabak Bernam sana kebanyakan jambatan² ini belum dapat di-selesaikan dan tidak boleh di-lalui apabila dua buah kereta berselisih, dan terpaksa berhenti salah satu.

Tuan Pengerusi, lagi satu yang saya suka menarek perhatian ia-lah berkenaan dengan Jambatan Tanjong

Karang. Saya sa-benar-nya mendapat amanah daripada Wakil Ra'ayat, Tanjong Karang daripada Kuala Selangor yang mana jambatan ini telah lebeh daripada 14 tahun chuba di-buat, tetapi tidak juga berjaya. Jadi, ta' tahu apakah sebab-nya yang menjadikan kerja ini tidak dapat di-selesaikan. Sama ada betul, atau tidak cherita² daripada orang² Tanjong Karang mengatakan bahawa sungai Tanjong Karang itu ada-lah sungai puaka dan ta' boleh di-adakan jambatan. Jadi, perkara ini, saya perchaya Yang Berhormat Menteri ini tahu, ada-kah cherita itu betul atau pun tidak. Kalau sa-kira-nya perkara ini betul, saya rasa apa chara yang lain sa-lain daripada jambatan hendak di-adakan di-tempat itu, saya tidak tahu-lah, kalau hendak di-adakan feri pun kechil sangat sungai itu, dan perkara ini saya harap sangat akan mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan kedudukan jambatan Tanjong Karang ini.

Kemudian, Tuan Pengerusi, saya suka membawa kapada perkhidmatan feri di-Sabak Bernam yang menyebarkan Sungai Bernam. Feri ini, Tuan Pengerusi, saya menguchapkan terima kaseh kapada Jabatan Kerja Raya yang telah dapat menyediakan feri bagi kesenangan orang² di-Sabak Bernam pergi ka-Telok Anson, sebab Telok Anson ada-lah satu bandar bagi penduduk² di-Sabak Bernam pergi sana, kerana itu-lah sahaja bandar yang boleh di-pandang, yang boleh di-katakan dapat melengkapkan segala keperluan² daripada penduduk² daripada Sabak Bernam dan bagitu juga berkenaan dengan hospital di-Telok Anson di-mana tempat orang² di-Sabak Bernam mengadakan hal dan mengadakan nasib untuk mendapatkan apa² rawatan daripada doktor di-Telok Anson. Malang-nya feri ini, Tuan Pengerusi, chuma berjalan di-sabelah siang sahaja. Jadi, saya harap sangat-lah kapada Yang Berhormat Menteri ini, kalau dapat berunding-lah dengan Jurutera Kerja Kerajaan Negeri Perak, kerana feri ini di-bawah kawalan Jabatan Kerja Raya Negeri Perak. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat memberikan jasa baik-nya untuk berunding supaya dapat di-

jalankan sampai pukul 9 malam sa-bagaimana feri yang ada di-Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara yang saya suka hendak mengulangi balek ia-lah berkenaan dengan talipon. Talipon di-Sabak Bernam ada sedikit luar biasa, kerana perhubungan-nya terpaksa melalui Telok Anson, Ipoh, kemudian baharu sampai ka-Kuala Lumpur, sedangkan jalan yang dekat dan yang boleh segera boleh berchakap di-Kuala Lumpur dengan melalui Kuala Selangor, yang pada pendapat saya ada lebeh baik dan lebeh segera lagi, tetapi ini kita terpaksa berpusing daripada Hutan Melintang ka-Telok Anson, ka-Ipoh, baharu sampai Kuala Lumpur. Jadi, saya harap sangat-lah kalau dapat Yang Berhormat Menteri ini memberikan jawapan-nya di-atas perkara ini.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan Post Office. Di-Sungai Tawar penduduk-nya ta' kurang daripada 2,000 orang dan kalau di-champorkan dengan kampung² yang di-sakeliling pekan Sungai Tawar itu, ta' kurang dari 4,000 orang. Pada masa ini Post Office yang di-gunakan adalah di-Hutan Melintang. Hutan Melintang ini dudok-nya ada-lah di-tepi Sungai Bernam, ia-itu di-negeri Perak. Jadi, selalu surat² yang di-hantar daripada Kuala Lumpur ini pergi ka-Sungai Ayer Tawar, ia-itu kapada kampung saya sendiri yang mana saya terpaksa menggunakan Post Office Hutan Melintang. Kalau di-alamatkan kapada Sabak Bernam, maka surat itu memakan masa sampai satu minggu, kerana daripada Sabak Bernam pergi ka-Telok Anson, pergi ka-Hutan Melintang, lepas itu baharu-lah sampai ka-Sungai Ayer Tawar. Jadi, ini saya rasa sangat mustahak dan saya perchaya bahawa Yang Berhormat Menteri ini sendiri telah faham, kerana telah beberapa kali pegawai² daripada Kementerian ini telah pergi ka-Sungai Ayer Tawar sana untuk menchari tapak Post Office yang sesuai, ia-itu tapak Post Office ini memang ada disediakan tanah State Land di-sana untuk di-dirikan Post Office. Jadi, oleh kerana itu, harap-lah pada Yang Berhormat Menteri ini akan dapat

memberikan jasa baik-nya dan akan dapat melaksanakan apa² juga kesulitan yang di-alami oleh penduduk² Sungai Ayer Tawar ini.

Jadi, itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, sa-kali lagi saya mengucapkan terima kaseh dan saya harap Yang Berhormat Menteri ini tidak akan berkecil hati dan akan dapat memberikan jasa baik-nya di-atas apa yang telah saya sebut-ini, terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya chuma hendak menyentuh sedikit sahaja, ia-itu berkenaan dengan muka 341—Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom dan yang kedua, muka 379—Pengaroh Talikom Negara. Saya hendak mendatangkan perhatian kepada Menteri Kerja Raya berkenaan dengan satu batang jalan yang di-bena daripada Fund American Loan daripada Alor Star pergi ka-Kangar dan di-Kangar sana ada sa-buah sungai dan kemudian ada satu titi yang di-buat daripada Fund American Loan tadi. Jadi, titi itu, saya memandang sangatlah rendah dan apabila datang musim bah yang sangat kerap berlaku, maka akan menghalang perjalanan ayer di-dalam sungai itu yang membawa ayer itu masuk ka-kampong². Jadi, saya suka menarek perhatian Menteri yang berkenaan ini supaya memerhatikan balek keadaan benchana titi di-Kangar itu di-mana tidak menjadi kesusahan kepada kawasan² yang di-sakeliling-nya itu.

Dan yang kedua berkenaan dengan parit² di-tepi² jalan raya di-dalam negeri Perlis. Tuan Pengerusi, negeri Perlis tentu-lah Tuan Pengerusi tahu, ia-itu tempat padi yang mana pada tiap² tahun benchana alam daripada banjir sentiasa berlaku, tetapi yang ganjil-nya sedikit, ia-itu perkara ini apabila di-kemukakan kepada Pejabat Kerja Raya, Pejabat Kerja Raya kata ini bukan tanggungan-nya—ini ada-lah tanggungan D.I.D. dan begitu juga kalau di-kemukakan kepada Pejabat D.I.D. dia kata ini bukan tanggungan-nya, tanggungan Pejabat Kerja Raya. Jadi, saya minta Menteri yang berkenaan merundingkan siapa yang bertanggung-jawab berkenaan dengan parit di-tepi jalan raya ini. Sa-kira-nya parit

di-tepi jalan raya ini ia-lah di-bawah tanggong-jawab Pejabat Kerja Raya, maka di-harap supaya pembersehan di-adakan selalu pada tiap² tahun.

Yang ketiga, saya menerima banyak rayuan² berkenaan dengan system telephone booth. Rayuan itu ia-lah apabila sa-orang menggunakan talipon itu sampai berjam², dia berasmara dalam talipon itu, habis 10 sen dimasukkan lagi 10 sen begitu-lah seterusnya. Orang lain hendak berchakap perkara² yang mustahak terpaksa menunggu. Jadi, saya minta kepada Menteri yang berkenaan memikirkan bagaimana chara telephone booth ini supaya memberi kesenangan kepada orang ramai yang sa-benar-nya berhajat hendak menggunakan talipon dan tidak lagi berbangkit perkara yang saya chakapkan tadi.

Yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan setem. Ini satu perkara yang rumit dalam negeri Perlis. Tuan Pengerusi tahu-lah dalam negeri Perlis pejabat buka hari Ahad, tetapi pejabat di-bawah Federal saperti pejabat pos tutup pada hari Ahad. Orang² yang datang ka-pejabat, kata-lah, dia hendak buat surat kuasa pada hari Ahad hendak beli setem tidak dapat, kerana pejabat pos tutup. Saya shorkan kepada Menteri yang berkenaan supaya dalam pejabat kerajaan, letakkan satu kotak otometik, ia-itu masukkan duit dalam-nya dan apabila di-tekan dapat setem, sa-bagaimana yang di-buat oleh negeri² yang maju. Dengan jalan ini memudahkan ra'ayat yang datang dari jauh ka-pejabat pada hari Ahad untuk membuat surat kuasa dan lain². Saya rasa sangat-lah perlu pada masa ini kita menunjukkan chara² yang moden kepada orang kita supaya dapat menggunakan chara² otometik yang tersebut. Ini-lah sahaja rayuan saya, Tuan Pengerusi, kepada pehak Menteri yang berkenaan.

Dato' V. T. Sambanthan: Mr Chairman, Sir, most of the Members departed from the purpose of this meeting and rather thought it wise to launch upon the Development Estimates. However, I did not think of contradicting them, because I thought that they might have a say. So, I shall

try and reply as best as I can with regard to the broader issues raised but not with regard to certain particular development items, which I hope they would either discuss with me or latterly speak again under the Development Estimates, if I have missed any item out on this occasion.

The Member for Alor Star made some interesting remarks about the bridges in Alor Star and about men and mice—whether he meant it for a particular rat or mouse, I do not know (*Laughter*)—but I would like to assure him that I will look into every one of the items he has mentioned. I only request that he should give me a detailed statement relating to the particular facts in regard to these bridges.

As regards the fact that certain engineers have not yet left the country, I must confess that I would personally be happy if some of these engineers had left this country earlier. However, with the expatriation terms being what they are, we cannot compel them to leave till they want to leave. I know that the Honourable Member has complained to me about one particular engineer in private, and I shall try my best to get him shifted, if nothing else is possible.

With regard to the Post Office at Alor Star and the thick glass, I am told that Alor Star, being the capital of the premier State of Kedah—he will accept it as premier, though I might say that Perak is premier—in any case, Alor Star being the capital of Kedah, we would like to have proper appearance for the Post Office, and therefore the Post Master-General thought that if he did not put up proper outward facing for it, the people of Alor Star might say, “Why do you give us such an awful post office?” So, it was done with the best of intentions. As for telephone automation, that will take some time, and we hope to have Alor Star switched over to the automatic telephone system in 1966, possibly. But I do hope that the Honourable Member does not come back to me and say that it costs a bit more in certain sections. If he can assure me that, we will do it.

The Member for Johore Bahru Barat has mentioned certain details about the roads. I will certainly consider these.

The Member for Batu Pahat has mentioned that the system of sending telegrams is only for two miles. This is true in certain areas, and I will have the whole question of telegrams looked into again. My information is that telegraphic service as such is an uneconomic service, but it may well be that in the interest of the public service, we may have to increase the charges a bit—may be—and increase the efficiency also.

With regard to the road from Teluk Anson to Sitiawan, I would like to inform the Member for Sitiawan that I remember that there is a long term plan for the roads from Kuala Lumpur to Teluk Anson, Sekinjang and Hutan Melintang to be in the ultimate connected to Sitiawan. That is an ultimate phase, but when it would be, I am afraid, I am not in a position to commit the Government. However, I am sure that he would be glad to know that that is the plan. Sir, I regret to note that he feels bad about telephone charges being made after our switching Sitiawan to automatic dialing. Many Members here have complained as to how it takes them five minutes, ten minutes, sometimes one hour to get a telephone call through. Now, in Sitiawan, it is easy as dialing because it is dialing, and I do not think they should grouse an extra ten cents or twenty cents.

Coming to the Member for Krian, as regards the two bridges he mentioned, one of them is on a State road, but I understand that it is very much in the plan of being built. As for the other, I will try my best to persuade the State Government, if necessary, to try and do something. If the Federal Government can help, it will also try to help him on this very important bridge.

With regard to the Member for Parit, I am giving instructions for the conditions of the drainage alongside that road to be inquired into immediately. As for his complaint that letters

do not arrive in time, he might remember that just ten days ago when I declared open the Annual Meeting of the Postmen's Union. I myself had cause to tell them that I was not happy about the service that they were giving at present to the public, and that it was in my knowledge that letters from Petaling Jaya to Kuala Lumpur took more than a day, that I felt it was a bad thing and that they had to gear themselves up to give a more efficient service. Therefore, his information about Lambor Kanan does not come as a surprise; if this particular postman has been throwing letters into the coffee shop, he will have to come up for disciplinary action—but then we have got to get the proof. In any case, I will have this case looked into. As for his request for postal agents, we will also consider it. As for telephones at Lambor Kiri, we will get them, provided we have the money and he will write to me giving the particular places where he wants these telephones.

With regard to the Member for Kuala Kangsar, in respect of his request for the road on the other side of the Perak River, I would like to inform the Honourable Member that this is very much a matter that comes up under the Development Estimates, and he may want to speak about it again. In any case, I think I can assure him, on behalf of the Honourable Minister of Rural Development that he will consider this in the overall plan of the whole country—its own place in this particular scheme of things will be relegated to the importance or lack of importance in the overall scheme.

Mr Chairman, Sir, mention was also made that the glass panes in the Parliament Building were being broken now and then. I do not know what we can do if people want to go and bump into glass panes (*Laughter*). We can only try, if there were unbreakable glass.

As for the Muar and Batu Pahat bridges, I would like to thank the Honourable Member concerned for his congratulations to us. As for the post offices, that again comes under the Development Estimates. This also applies to the request by the Honour-

able Member for Malacca Utara. Then, the Honourable Member for Malacca Utara complained about telephone operators. When we make the exchange there into an automatic one, he will complain about rates! However, we will see that some of these operators give good service. With regard to the barrier at Mantin Pass, I will have this considered. The rates of *wakil² pos* is decided on a scale, the scale being strictly related to the turnover of work that exists in any particular area. So, I will ask the Postmaster-General if he wants to consider this—maybe it has slipped him. However, he assures me that in every case they do consider it carefully and revise periodically the rates of allowances to be given to *wakil² pos*.

The jambatan at Sekinchang is again a matter for the Development Estimates. With regard to the ferry at Hutan Melintang, I will certainly consider it being extended till 9 p.m. Regarding telephones and post offices, they come again under the Development Estimates. Let them write to me. With regard to the Alor Star/Kangar bridge, it comes again under the Development Estimates.

As for stamp vendor machines, these machines cost a lot of money. If you are going to put in a stamp vendor machine for rolling out a dollar's stamp for the whole day, I am sure it does not work. That is why we give postal agencies and we sell stamps at certain shops. Our own plan, as I replied in the Written Answers to Questions to Parliament this time, was that we were in the process of putting in stamp vendor machines in the bigger post offices or wherever business justified the putting in of such stamp vendor machines.

Mr Chairman, Sir, I hope I have answered adequately all the questions. Should I have failed to answer any particular question, I would ask the Member concerned to meet me.

Finally, with regard to the issue made by the Member for Perlis about the D.I.D. and the D.P.W., if the Honourable Member would come to my office any of these days, I would

promise to get the head of the D.I.D. and the Director of Public Works to meet in front of me and in front of the Honourable Member and will thrash out everything before him. I hope I have answered all the questions adequately, Sir.

Question put, and agreed to.

The sums of \$9,549,168 for Head S. 73; \$31,445,630 for Head S. 74; \$34,554,499 for Head S. 75; \$8,719,315 for Head S. 76; and \$39,205,051 for

Head S. 77 ordered to stand part of the Schedule.

Clauses 1 and 2 ordered to stand part of the Bill.

House resumed.

Bill reported without amendment: read the third time and passed. (*Applause*).

Mr Speaker: The House is now adjourned until 10 a.m. tomorrow.

House adjourned at 7.28 p.m.